



DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARI KHAMIS : 7 APRIL 2011

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DI JAWAB DIDAL AM DEWAN
(SOALAN NO. 1, 6,10,12 HINGGA 72)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 2, HINGGA 5, 7 HINGGA
9,11**

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

Soalan No: 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

LISAN

PERTANYAAN

**DATUK SERI PANGLIMA ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH**

DARIPADA

7.04.2011

TARIKH

SOALAN

Minta MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH menyatakan

- (a) Sampai manakah keberkesanan strategi Kerajaan di dalam usaha pembasmian kemiskinan tegar di negeri Sabah; dan
- (b) Apakah langkah-langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memangkinkan transformasi ekonomi rakyat luar bandar negeri Sabah yang majoritinya masih hidup di bawah paras kemiskinan nasional.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Dalam tempoh 10 tahun (RMKe-8 hingga RMKe-9), usaha pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh Kerajaan di negeri Sabah telah berjaya memberikan impak positif dalam pengurangan kadar kemiskinan. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar kemiskinan di negeri Sabah telah berkurangan daripada 23.4% pada tahun 1999 kepada 19.2% pada tahun 2009. Manakala insiden kemiskinan tegar pula telah menurun daripada 7.1% pada tahun 1999 kepada sekitar 4.7% pada tahun 2009.

Kerajaan komited dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan negara dan telah meletakkan sasaran untuk mengurangkan insiden kemiskinan daripada 3.8% pada tahun 2009 kepada 2.0% pada tahun 2015. Secara dasarnya, langkah-langkah utama dalam menangani isu kemiskinan di Sabah adalah seperti berikut:

- (i) Memperkukuh dan memantapkan lagi pelaksanaan program-program peningkatan pendapatan dan latihan kemahiran ke arah memperkasakan lagi modal insan di luar bandar. Sebagai contoh, dalam tempoh RMKe9, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya dan Program Latihan Kemahiran GIATMARA telah melatih seramai 13,523 pelajar dalam pelbagai bidang kursus seperti Kursus Membaiki Telefon Bimbit, Kursus Elektrikal, Kursus Kejuruteraan Marin, Kursus Teknologi Perabot dan Rekaan Dalaman serta Teknologi Automotif Kenderaan Komersial.
- (ii) Memperkukuh dan meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian program-program pembasmian kemiskinan dengan penggunaan sepenuhnya Pangkalan Data eKasih dan **"Focus Group" Pembasmian Kemiskinan** di peringkat nasional, negeri dan daerah ke arah merangka perancangan pelaksanaan yang komprehensif dan pemantauan yang efektif.
- (iii) Kerajaan meneruskan **strategi pembangunan tanah yang bersepadu bagi melonjakkan ekonomi di kawasan yang mempunyai insiden kemiskinan yang tinggi** di luar bandar melalui program-program seperti

Projek Lonjakan Mega yang berkonsepkan Agropolitan seperti di Pulau Banggi dan Gana serta Projek Ladang Sejahtera di

Semenanjung Bangkoka dan Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ).

- (iv) Kerajaan akan terus melipat-ganda usaha **dalam meningkatkan penyediaan akses pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas seperti perumahan golongan miskin dan miskin tegar, pembinaan jalan luar bandar, bekalan air serta elektrik yang lebih baik** bagi strategi menangani masalah kemiskinan dan memacu pertumbuhan ekonomi kawasan setempat. Bagi tujuan itu, Kerajaan melalui *National Key Result Area* (NKRA) khususnya di bawah *Rural Basic Infrastructure* (RBI) yang diterajui oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah merancang dan melaksanakan projek-projek berikut di Sabah:
- (a) Meningkatkan kemudahan jaringan jalan raya di Sabah dengan sasaran membina 1,036 kilometer jalan luar bandar;
 - (b) Membekalkan kemudahan bekalan air bersih kepada 98,386 unit rumah di Sabah; dan
 - (c) Meningkatkan liputan bekalan elektrik kepada 34,158 unit rumah di Sabah.
 - (d) Membina dan membaik pulih sejumlah 8,368 unit rumah di Sabah.

SOALAN NO: 6

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
YB. TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH

KHAMIS, 7 APRIL 2011

**RUJUKAN
SOALAN**

13 [PR-000- L41630]

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan jumlah penduduk dalam Pusat Bandar Kuala Lumpur masa kini dan sejauh mana matlamat untuk menambah bilangan penduduk telah dicapai dari segi peratusan dan bilangannya, sebagaimana yang di syor dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur supaya taburan demografi sejajar dengan pembangunan dan perkembangan Kuala Lumpur itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Cheras, berdasarkan jumlah unit kediaman sedia ada dan dalam pembinaan dalam tahun 2009, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur menganggarkan jumlah penduduk Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur pada tahun 2010 dianggarkan adalah seramai 135,500 orang. Jumlah ini adalah lebih rendah daripada jumlah penduduk pusat bandar raya Kuala Lumpur yang disasarkan pada tahun 2010 oleh Pelan Struktur Kuala Lumpur iaitu 204,638 orang.

Walaupun, pihak Kementerian tidak mempunyai maklumat rasmi jumlah penduduk Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur pada tahun

2010 kerana Laporan Kiraan Permulaan Band Penduduk 2010 yang diterbitkan oleh Jabatan Statistik Malaysia setakat ini, hanya memberikan data keseluruhan penduduk Kuala Lumpur.

Bagi memastikan dasar untuk menarik lebih ramai penduduk tinggal di pusat bandar raya Kuala Lumpur dapat dicapai, Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 telah menggariskan beberapa strategi seperti:

- 1) Menggalakkan pembangunan semula kawasan-kawasan kediaman dan perdagangan lama;
- 2) Merietapkan penyediaan minimum 30% aktiviti kediaman di dalam zon pembangunan bercampur;
- 3) Menggalakkan pembangunan berintensiti tinggi di Zon Perancangan Transit; dan
- 4) Membenarkan dengan syarat pembangunan aktiviti kediaman di zon-zon perdagangan seperti Zon Perdagangan Pusat Bandar (CCC) dan Zon Perdagangan Utama (MC).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**BAGI JAWAPAN LISAN
PERTANYAAN**

DARI PAD A : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH)

TARIKH 7 APRIL 2011 (KHAMIS)

SOALAN 10

Tuan Muhammad Bin Husain (Pasir Puteh) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah kajian dibuat terhadap tahap keselamatan bas ekspres dua tingkat yang beroperasi dengan meluas sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian melalui Institut Penyelidikan Jalan Raya Malaysia (MIROS) sedang menjalankan kajian komprehensif ke atas kesesuaian penggunaan bas ekspres dua tingkat khususnya dari aspek kestabilan dan keselamatan struktur kenderaan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada inisiatif sedia ada Bahagian Kejuruteraan Automatif Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) memang mengawal pembinaan setiap kenderaan perdagangan melalui proses kelulusan pelan teknikal kenderaan yang mana setiap kenderaan yang sedang dibina hendaklah mematuhi Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Penggunaan) dan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Seterusnya semua pembinaan kenderaan akan dipantau serta dikawal selia ketat oleh Jurutera Profesional yang dilantik oleh bengkel kejuruteraan dan berdaftar di JPJ. Bagi kenderaan yang telah siap dibina, kenderaan tersebut hendaklah melalui pemeriksaan di PUSPAKOM sebelum proses pendaftaran di JPJ. Manakala, bagi setiap model baru yang dibina hendaklah mendapat Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) daripada JPJ.

Kerajaan sentiasa mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya termasuklah kemalangan yang melibatkan bas ekspres. Antara usaha-usaha yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) menguatkuasakan peraturan keselamatan antarabangsa iaitu *United Nations Economic Commission For Europe (UNECE) Regulations* yang melibatkan R66 untuk pengukuhan struktur badan bas dan R54 serta R109 untuk peraturan keselamatan tayar yang melibatkan kenderaan perdagangan;
- (ii) menguatkuasakan penggunaan kod amalan keselamatan, kesihatan dan persekitaran (*Safety, Health and Environment - SHE*) terhadap pengurusan kenderaan komersial;
- (iii) menjalankan pemeriksaan rawak buku log, pemeriksaan keadaan brek dan tayar bas serta pemeriksaan rambang air kencing pemandu di stesen bas. Pemeriksaan yang dilakukan oleh anggota penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan kerjasama PDRM dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di terminal bas bertujuan untuk memastikan keadaan pemandu dan basnya selamat sebelum dibenarkan meneruskan perjalanan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan juga sedang dalam proses untuk melaksanakan Penguatkuasaan Kesalahan Lalu Lintas Secara Automatik (AES) sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya melalui penguatkuasaan yang dilakukan secara berterusan. Sistem ini akan meningkatkan *Perception Of Being Caught* (Persepsi Kebarangkalian Ditangkap) daripada 25 - 45% kepada 95% dan sekaligus dapat mendidik pemandu kenderaan supaya sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas yang ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	07 APRIL 2011 (KHAMIS)
SOALAN	NO. 13

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan selama 40 tahun paip-paip saluran air tidak diperbaharui dan ini menyebabkan tekanan air yang begitu rendah, ada masa pula, di kawasan yang tanah tinggi bekalan air tidak sampai langsung. Apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM8.2 bilion yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), peruntukan berjumlah RM1.4 bilion atau 17% dikhaskan untuk Program Pengurangan Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) yang turut merangkumi penggantian paip *Asbestos Cement* (AC)

yang usang dan pelaksanaan *District Metering Zones* (DMZ). Peruntukan sebanyak itu telah menunjukkan kesungguhan Kerajaan untuk memastikan rakyat mendapat bekalan air bersih yang berterusan tanpa gangguan serta selamat untuk digunakan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan akan meneruskan usaha untuk menukar paip agihan dan retikulasi di seluruh negara. Namun begitu, untuk menggantikan keseluruhan paip di seluruh negara memerlukan perbelanjaan yang amat tinggi. Justeru, bagi menangani masalah ini, program penggantian paip - paip AC tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan di setiap Rancangan Malaysia selari dengan peruntukan yang diluluskan Kerajaan. Penggantian paip ini adalah sebahagian daripada Program Pengurangan Kadar NRW yang telah menjadi agenda tetap Kerajaan di mana sejumlah peruntukan disediakan bagi setiap negeri dalam satu-satu Rancangan Malaysia Lima Tahun (RML).

Tuan Yang Dipertua,

Kesungguhan Kerajaan untuk menangani isu ini telah dibuktikan apabila peruntukan sebanyak RM720.94 juta telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Pertama (RP1) (2011-2012) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Kerajaan yakin melalui pendekatan-pendekatan berterusan yang dinyatakan dan peruntukan yang telah diluluskan di bawah RMKe-10 akan dapat mengatasi masalah berkaitan bekalan air seperti tekanan air yang rendah serta meningkatkan kualiti perkhidmatan bekalan air kepada rakyat.

NO. SOALAN : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH 7 APRIL 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta PERDANA MENTERI menyatakan kedudukan tanah Kerajaan di Jalan Imbi, Kuala Lumpur yang dijualkan kepada 1 Malaysia Development Berhad dari segi kos, keluasan tanah dan projek yang dicadangkan dan peluang yang ditawarkan kepada peniaga dan rakyat Malaysia sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Tapak pembangunan Kuala Lumpur International Financial District (KLIFD) seluas 75 ekar telah dipindah milik kepada 1MDB daripada pemilik sebelumnya, iaitu Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. 1MDB adalah sebuah syarikat pembangunan strategik milik penuh Kerajaan Malaysia.
2. Visi KLIFD ialah untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hub kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah bandaraya global. Sektor kewangan memerlukan pendekatan holistik untuk menjadi landasan utama ke arah ekonomi pendapatan tinggi. Pendekatan holistik yang dimaksudkan merangkumi bukan sahaja perancangan induk, malah turut meliputi pembinaan rangkaian hubungan antarabangsa untuk menyokong pembangunan-pembangunan strategik yang dirancang.

3. KLIFD dianggarkan mempunyai nilai pembangunan kasar sebanyak RM26 bilion. Satu komponen penting bagi menjayakan inisiatif *Greater KL*, KLIFD dilihat bakal menjadi “magnet” untuk menarik nama-nama besar antarabangsa ke Kuala Lumpur merangkumi beberapa sektor seperti perkhidmatan, perbankan dan kewangan. Ini sekaligus akan mencetus aktiviti ekonomi baru dan membuka peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia dari setiap strata ekonomi.
4. Kesan positif yang dibawa oleh KLIFD bukan sahaja kepada syarikat-syarikat yang beroperasi di hub kewangan antarabangsa itu tetapi ia juga akan membuka peluang-peluang ekonomi baru dan mempertingkatkan daya maju perniagaan-perniagaan di kawasan sekitarnya. Selari dengan aspirasi KLIFD untuk menjadi hub kewangan antarabangsa yang mengekalkan ciri-ciri kebudayaan dan sifat tempatan, ia dilihat bakal menjadi ruang untuk para peniaga yang terbaik merangkumi pelbagai latar belakang untuk menjalankan perniagaan mereka di situ. Selain daripada premis pejabat, ruang premis perniagaan dan rekreasi juga disediakan untuk memenuhi keperluan harian bagi para profesional yang bekerja di KLIFD.
5. Selain itu, satu universiti berasaskan perniagaan akan turut dibina bagi melengkapi KLIFD sebagai sebuah hub kewangan antarabangsa. Para pelajar di universiti ini akan dapat memanfaatkan hubungan secara langsung yang sedia ada dengan lain-lain entiti kewangan bertaraf dunia yang terdapat di KLIFD, seterusnya menikmati kualiti pendidikan yang mantap dan *industry-ready*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHEAL
 TOYAD [MUKAH]**

TARIKH 7 APRIL 2011 (KHAMIS)

SOALAN 15

Datuk Dr. Muhammad Leo Micheal Toyad [Muka]
minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah
penerbangan Perth-Kuching akan dilaksanakan kembali.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Adalah dimaklumkan bahawa MAS telah memberhentikan penerbangan ke laluan Perth - Kuching mulai 26 Mac 2006. MAS memaklumkan bahawa pemberhentian penerbangan ke laluan

tersebut adalah kerana laluan tersebut tidak *viable* dari segi komersial. Selain daripada itu, pada masa tersebut MAS juga turut mengalami masalah kekurangan pesawat. Dalam hubungan ini, MAS memaklumkan bahawa pihaknya tidak mempunyai perancangan dalam jangka masa terdekat untuk mengadakan semula penerbangan ke laluan Perth - Kuching.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB (

BALING)

TARIKH

07.04.2011 (KHAMIS)

DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [BALING] minta MENTERI

PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

menyatakan sejauh mana keberkesanan pemantauan harga yang ada sekarang dalam mengawal kenaikan harga barang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bahagian Penguatkuasa, KPDNKK memantau harga barang dan caj perkhidmatan yang dilaksanakan secara berkala oleh kesemua 72 Pejabat PDNKK di seluruh negara. Pemantauan harga ini dilaksanakan melalui sistem eHarga di bawah skim-skim seperti berikut:

- (i) Skim Pemantauan Harga (SPH) - memantau harga bagi **573 barang dan 60 perkhidmatan di 81 pusat pungutan setiap minggu** di buat di **pasar awam. kedai runcit. pasar rava dan *hypermarket*** untuk mengesan aliran perubahan harga dan caj

perkhidmatan dari semasa ke semasa bagi merangka tindakan untuk menstabilkan harga dalam pasaran;

- (ii) Skim Kawalan Harga (SKH) - memantau harga bagi **75 barang di 146 daerah setiap minggu** di buat di **pasar awam. pasar tani. kedai runcit. pasar raya dan hypermarket** bagi menentukan harga tertinggi dan terendah dengan tujuan untuk menetapkan harga maksimum Skim Kawalan Harga Musim Perayaan. Tujuan untuk menyekat kenaikan harga yang tidak berpatutan dan mencegah amalan mencatut di kalangan peniaga semasa musim perayaan.
- (iii) Skim Khas Pemantauan (SKP-Hypermarket) memantau harga bagi **100 barang di 73 pusat pungutan setiap minggu** di buat *hypermarket* bagi mengkaji perbezaan trend harga antara *hypermarket* dengan pasar awam dan membuat perbandingan harga barangan; dan
- (iv) Skim Khas Pemantauan (SKP - Makanan Sedia Masak) memantau **harga makanan dan minuman bagi 225 item** (Melayu: 85 item; India Muslim: 76 item; Cina: 64 item) **di 73 pusat pungutan setiap bulan** di buat di restoran, kedai makan dan medan selera bagi mengesan aliran perubahan harga makanan dan minuman dari semasa ke semasa.

Pemantauan dan pungutan harga yang dilaksanakan KPDNKK dapat mengesan aliran perubahan harga barang-barang keperluan bagi membolehkan tindakan diambil untuk menstabilkan harga barangan. Mekanisme pemantauan harga ini adalah indikator awal untuk mengesan kenaikan harga barang yang tidak munasabah yang berlaku dalam pasaran. Sistem pengesanan ini membantu KPDNKK mengenal pasti punca peningkatan harga dan merangka tindakan-tindakan untuk menstabilkan harga dan bekalan.

KPDNKK akan mengadakan perjumpaan dengan kementerian dan agensi kawalan bagi bekalan barang-barang keperluan, pengeluar, pengilang, pengimport

dan pemborong untuk berbincang dan mencari kaedah penyelesaian bagi menangani isu yang dihadapi serta merangka tindakan bagi mengatasinya. KPDNKK sentiasa mengadakan kerjasama khususnya dengan kementerian dan agensi kawalan yang lain untuk mengambil langkah bagi menentukan harga barang-barang berpatutan dalam pasaran.

NO. SOALAN : 17

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN
KEDUABELAS, TAHUN 2011 DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**DATUK HAJI BAHARUM
BIN MOHAMED
(SEKIJANG)**

TARIKH

07.4.2011

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan
kenapakah Kementerian tidak berminat untuk
mendirikan Maktab Rendah Sains MARA Segamat yangtapaknya
telah diperolehi dan terletak di dalam kawasan Parlimen Sekijang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar kenyataan bahawa Kementerian ini tidak berminat untuk mendirikan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Segamat kerana cadangan projek ini telah dipohon untuk dilaksanakan di dalam RMKe-10. Walau bagaimanapun, projek ini tidak diluluskan untuk dilaksanakan di dalam *First Rolling Plan* RMKe-10 (2011-2012) memandangkan Unit Perancang Ekonomi (UPE) memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek sambungan dan projek Bidang

Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sahaja.

Pada masa ini, Kementerian melalui MARA sedang memberi fokus dan usaha meningkatkan kapasiti institusi-institusi pendidikan sedia ada di bawah MARA khususnya MRSM termasuklah penggantian kelengkapan yang usang dan tidak sesuai, penyelenggaraan bangunan-bangunan dan peningkatan kualiti pembelajaran.

Walau bagaimanapun, Kementerian dan MARA tiada halangan mengemukakan cadangan bagi mendapatkan sebuah (1) MRSM Segamat di masa depan sekiranya kedudukan kewangan negara mengizinkan.

NO.

SOALAN: PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]

TARIKH: 7 APRIL 2011

SOALAN

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) berapakah purata *Unit Development Cost* (UDC) bagi medan-medan minyak di seluruh Malaysia yang dibangunkan; dan
- (b) adakah kos tersebut kompetitif.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya kos-kos yang terlibat dalam penghasilan sumber petroleum sebahagian besarnya dipengaruhi oleh faktor permintaan dan pembekalan bahan mentah dan sektor perkhidmatan global.

Kos untuk melaksanakan projek-projek pembangunan minyak dan gas yang dijalankan oleh PETRONAS bergantung kepada tahap kompleksiti projek berkenaan. Purata unit kos keseluruhan terdiri daripada kos pembangunan (*development cost*) dan kos pengeluaran (*production cost*) untuk projek-projek hulu. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh *International Energy Agency* (IEA), kos terlibat adalah seperti berikut:

- i) Projek minyak dan gas laut dalam : USD35 - USD65 setong;
- ii) Projek *Enhance Oil Recovery* (EOR) : USD35 - USD80 setong; dan
- iii) Projek minyak dan gas laut cetek: USD15 - USD40 setong

Purata unit kos keseluruhan yang ditanggung oleh PETRONAS adalah setara dengan nilai tersebut dan ianya adalah kompetitif jika dibandingkan dengan kos purata industri. Walau bagaimanapun, kos-kos tersebut tidak termasuk kos-kos lain seperti pembayaran cukai, kos pembiayaan (*financing cost*) dan kos tidak langsung (*indirect cost*) yang perlu ditanggung oleh syarikat-syarikat pengeluar minyak dan gas.

Perbelanjaan untuk membangunkan medan-medan minyak dan gas juga telah meningkat jika dibandingkan dengan tahun 2005. Sebagai contoh, kos perbelanjaan modal (*capital expenditure*) bagi syarikat-syarikat antarabangsa seperti BP, Chevron, ConocoPhillips, Shell dan TOTAL menunjukkan purata kenaikan sebanyak 40%.

Kenaikan kos perbelanjaan modal bagi membangunkan medan-medan minyak dan gas sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan ketara kos perkhidmatan dan bahan-bahan mentah utama. Sebagai contoh, dari tahun 2005 hingga 2009, *Drilling Rigs* menunjukkan kenaikan purata harga dunia sebanyak 57% manakala purata harga dunia bahan mentah besi meningkat sebanyak 15%.

**PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA**

TARIKH

SOALAN

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**SOALAN NO:
19**

**Tuan Haji
Matulidi bin
Haji Jusoh [**

Dungun]

7 April 2011 (Khamis)

**Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan sejauh manakah seriusnya wabak penyakit kuku dan mulut (FMD) yang menyerang ternakan lembu tenusu, khususnya di Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Terengganu dan nyatakan langkah kawalan yang telah diambil dan bantuan yang telah diberikan kepada penternak.

JAWAPAN

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Wabak Kuku dan Mulut (FMD) pada lembu tenusu yang berlaku di Negeri Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Terengganu adalah terkawal dan tidak merebak ke kawasan lain, ia hanya melibatkan 66 penternak daripada 806 penternak tenusu di seluruh negara.

Langkah - langkah yang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk membendung wabak FMD daripada merebak adalah:

- i) Menguatkuasakan kawalan pergerakan ternakan di negeri - negeri terlibat;
- ii) Menjalankan aktiviti vaksinasi sekitar 5km di setiap kawasan jangkitan dan pemantauan berterusan dalam kawasan jangkitan;
- iii) Melaksanakan pemvaksinan di luar kawasan jangkitan;

- iv) Menasihati para penternak untuk mengambil langkah - langkah berikut:
 - a. mengasing dan mengurung ternakan yang sakit;
 - b. melaporkan kes baru kepada pihak JPV dengan segera agar tindakan kawalan penyakit dapat diambil;
 - c. mengawal pergerakan ternakan dan pekerja serta meningkatkan tahap biosekuriti;
 - d. melakukan disinfeksi di kandang-kandang ternakan setiap hari; dan
 - e. menjalankan rawatan susulan secara berterusan.

Bantuan yang telah diberikan kepada penternak yang terpaksa menanggung kerugian akibat wabak ini adalah sumbangan ehsan dalam bentuk tunai serta bantuan ubat - ubatan dan rawatan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh penternak.

NO. AUM : 21

NO. AUP : V>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH 7 APRIL 2011

RUJUKAN 3552

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tentang kekecohan pendapat antara Jemaah Menteri dan Peguam Negara mengenai cadangan pindaan ke atas Akta Mesin Cetak dan Penerbitan supaya ianya merangkumi penerbitan '*online*'. Apakah ini satu taktik untuk menyekat kebebasan orang awam untuk memperolehi informasi '*online*' ala WikiLeaks dan Sarawak Report.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan **tidak pernah** mengenakan kawalan terhadap media atas talian menggunakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Buat masa ini, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Dalam Negeri **masih lagi di peringkat awal perbincangan** untuk mengkaji semula keberkesanan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, termasuklah kesalahan menyalahgunakan bahan-bahan media cetak dalam saluran atas talian (*on-line*). Usaha ini adalah penting dan bertepatan dengan masa dan keadaan supaya Akta ini terus mantap dan kekal relevan demi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam.

NO. AUM : 25

NO. AUP : 2.1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]
TARIKH	7 APRIL 2011
RUJUKAN	3468

SOALAN:

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah tindakan selalu lambat diambil terhadap mereka yang mengeluarkan sesuatu kenyataan sensitif melibatkan soal perpaduan, perkauman, agama dan institusi raja terutama di dalam blog.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Tenom yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa pihak berkuasa lewat mengambil tindakan terhadap mereka yang mengeluarkan sesuatu kenyataan sensitif adalah tidak benar. Ini kerana semua laporan yang dibuat akan disiasat dengan teliti sebelum ianya dirujuk kepada pendakwaraya bagi tindakan selanjutnya.

Tuan Yang Dipertua,

Sehubungan dengan itu, sesuatu penyataan berbentuk hasutan yang dibuat melalui media tradisional seperti media cetak atau media elektronik, siasatan akan dijalankan oleh pihak Jabatan Komersial, PDRM. Manakala, bagi penyataan yang dibuat melalui saluran media alternatif seperti secara atas talian, laman sesawang, blog atau sistem pesanan ringkas (sms), siasatan akan dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Tuan Yang Dipertua,

Sehubungan itu, saya ingin menasihatkan semua pihak agar sentiasa berhati-hati di dalam mengeluarkan sesuatu pernyataan terutama sekali yang menyentuh perkara-perkara sensitif seperti perkara-perkara yang boleh menggugat keharmonian kaum, perpaduan, institusi agama dan institusi beraja.

NO. SOALAN: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB

[KUBANG KERIAN]

TARIKH

7 APRIL 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berpuas hati dengan komitmen, jaminan dan pelaksanaan semangat '*federalism*' yang diamalkan di negara ini sejak merdeka. Adakah Kerajaan sedar terdapatnya beberapa kerenah

birokrasi dan juga beberapa insiden yang dianggap melanggar semangat ini hingga menyebabkan berlakunya ketidakadilan hak negeri-negeri dewasa ini.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Persoalan sama ada Kerajaan berpuas hati dengan komitmen, jaminan dan pelaksanaan '*federalism*' yang diamalkan di Negara ini tidak timbul memandangkan prinsip-prinsip pelaksanaan sistem tersebut adalah berasaskan Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan khususnya Bahagian VI Perhubungan Antara Persekutuan dengan Negeri-Negeri memperuntukkan, antara lain, pembahagian kuasa perundangan kepada Parlimen dan kuasa perundangan negeri kepada Badan Perundangan Negeri dan pembahagian kuasa eksekutif antara Persekutuan dengan Negeri.

Walau bagaimanapun, dalam hal-hal tertentu, Parlimen boleh membuat undang-undang berhubung dengan perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Badan Perundangan Negeri, antara lain, semasa proklamasi darurat dan bagi tujuan penyeragaman undang-undang serta pelaksanaan apa-apa triti, perjanjian atau konvensyen antara Kerajaan Persekutuan dengan mana-mana negara lain menurut Fasal (1) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan mekanisme dan badan perundingan (*consultative bodies and mechanisms*) yang bertujuan bagi

menyeragamkan dasar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam perkara-perkara tertentu, contohnya melalui Majlis Tanah Negara, Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan dan Majlis Kewangan Negara.

Namun demikian, hak-hak dan kepentingan Negeri-Negeri dalam Persekutuan adalah terjamin seperti yang ditekankan dalam perenggan 82 Report Suruhanjaya Reid seperti yang berikut:

"We wish to emphasize that with regard to any which in the Federal List not only should the Federal Parliament have the sole power to legislate but the Federal Government should also have the ultimate responsibility for determining policy and controlling administration. And similarly, with regard to any subject in the State List, in general the State Legislature should have the exclusive power to legislate and the State Government should have the exclusive responsibility for determining policy and controlling administration. We say that "in general" the State Legislative Assembly and the State Government should have these powers and responsibilities because, we think it necessary to recommend that in certain particular circumstances which we shall explain later the Federation should have overriding powers.

Selain itu, Perlembagaan Persekutuan turut menjamin hak Raja Negeri untuk naik takhta dan memegang, menikmati dan menjalankan hak dan keistimewaan di sisi Perlembagaan Negeri menurut Fasal (1) Perkara 71 Perlembagaan Persekutuan. Pentadbiran Negeri adalah berdasarkan Perlembagaan Negeri dengan syarat Perlembagaan Negeri tersebut hendaklah mengandungi peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam

Bahagian I Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan-peruntukannya hendaklah selaras dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Prinsip-prinsip '*federalism*' yang bercirikan kerajaan pusat yang kukuh (a *strong central government*) ini telah ditekankan dalam penggubalan Perlembagaan Persekutuan oleh Suruhanjaya Reid berdasarkan salah satu terma rujukannya seperti yang berikut:

“...to make recommendations for a federal form of constitution for the whole country as a single, self-governing unit within the Commonwealth based on Parliamentary democracy with a bicameral legislature, which would include provision for:

(i) *the establishment of a strong central government with the States and Settlements enjoying a measure of autonomy (the question of the residual legislative power to be examined by, and to be the subject of recommendations by the Commission) and with machinery for consultation between the central Government and the States and Settlements on certain financial matters to be specified in the Constitution;*”.

Sehubungan itu, dalam amalan prinsip-prinsip *federalism* di Negara ini, sebarang tindakan administratif, polisi serta amalan birokrasi hendaklah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang. Sekiranya amalan birokrasi yang diamalkan selaras dengan Perlembagaan dan undang-undang, tidak timbul masalah ketidakadilan terhadap hak

mana-mana Negeri.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI 7 APRIL 2011
TARIKH (KHAMIS)
SOALAN NO.23

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bolehkah Kementerian ini meluluskan dan seterusnya membangunkan sebuah institusi kemahiran atau kolej komuniti di Kapit dalam masa terdekat ini kerana rakyat di sini amat memerlukan kemudahan yang sedemikian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah tempoh *rolling plan* pertama RMKe-10 (2011-2012), tiada projek baru diluluskan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk membina politeknik dan kolej komuniti baru di seluruh negara termasuk di Kapit, Sarawak. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat Kapit akan diambil maklum oleh Kementerian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA : **Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]**
TARIKH **7 APRIL 2011 (KHAMIS)**

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenyataan Datuk Dr. Zainal Aznam Mohd Yusof, ahli NEAC merangkap penggubal Model Baru Ekonomi (MBE) telah digugurkan daripada versi muktamad MBE disebabkan bantahan NGO-NGO seperti PERKASA. Apakah political will Kerajaan dalam agenda ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan yang terkandung dalam Model Baru Ekonomi (MBE) adalah hasil persetujuan menyeluruh NEAC selepas beberapa siri rundingan dan perbincangan dengan semua stakeholder dari sektor kerajaan, swasta, dewan perniagaan, pertubuhan buruh, NGO, pendidik dan lain-lain.

Kedua-dua dokumen MBE Bahagian Pertama dan MBE Bahagian Akhir dilihat secara keseluruhan dan holistik sebagai langkah-langkah dasar yang dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Setiap lapisan masyarakat termasuk Kerajaan dan swasta atau orang NGO dan semua orang tanpa mengira latar belakang fahaman politik perlu berganding bahu bersama-sama dalam membangunkan negara Malaysia demi masa depan negara dan generasi yang akan datang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI

TARIKH: 7 APRIL 2011

SOALAN:

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah rancangan Kerajaan terhadap generasi kedua pekerja ladang (sawit dan getah). Adakah Kerajaan berpuas hati terhadap layanan pemilik-pemilik ladang terhadap pekerja mereka terutamanya dari segi pendapatan dan khususnya sewaktu harga komoditi getah dan sawit melambung tinggi.

PR-000-L41364

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung dengan pertanyaan Y.B. Ledang mengenai perancangan terhadap generasi kedua pekerja ladang sawit dan getah, Kerajaan memberi penekanan serius berhubung perkara ini. Ini kerana, kedua-dua komoditi tersebut memberi sumbangan besar dalam KDNK dan juga peluang pekerjaan di Malaysia, ditambah pula Kerajaan tidak boleh bergantung sepenuhnya dengan pekerja asing. Oleh itu, Kerajaan berhasrat agar rakyat tempatan menceburi keijaya tersebut dan ketidakcukupan pekerja akan ditampung melalui kaedah automasi.
2. Antara langkah-langkah Kerajaan untuk menarik generasi kedua bekerja di ladang adalah seperti berikut:
 - a) Mewujudkan konsep komuniti ladang yang berdaya saing yang mempunyai infrastuktur dan kemudahan lengkap.
 - b) Peruntukkan berjumlah RM50 juta telah diluluskan di bawah RMK-10 bagi membolehkan pekerja ladang memiliki rumah mampu milik sebagai salah satu

bentuk jaminan apabila mereka bersara kelak. Bank Simpanan Nasional telah dilantik khusus bagi membiayai program pemilikan rumah mampu milik ini dan tempoh pinjaman boleh dilanjutkan sehingga menjangkau generasi kedua.

- c) Peruntukkan sebanyak RM59 juta bagi program meningkatkan bekalan air di ladang-ladang yang berkeluasan kurang dari 1000 ekar dan jarak kurang 5 km dari paip utama.

3. Berhubung dengan soalan berikutnya dari Y.B Ledang, kenaikan harga getah dan sawit juga dapat dinikmati pekerja melalui *Price Bonus*. Bagi pekerja penoreh getah, mereka menerima:

- i) Insentif *price bonus* mengikut harga getah semasa diantara RM7.00-RM 13.10 sehari
- ii) Insentif getah *scrap* pula RM0.20/kg (Purata 10kg scrap @ RM2.00 sehari)

4. Bagi pekerja sawit pula, insentif yang diterima adalah bayaran *price bonus* sebanyak RM7.10 sehari,

5. Lain-lain kemudahan yang telah diberi kepada pekerja ladang;

- a) Meringankan beban pekerja ladang, kerajaan menyediakan bekalan air khususnya sumber sendiri dengan kapasiti 35 gelen (159 liter) kepada pekeija ladang yang mempunyai 5 orang isi rumah dan kemudahan lain seperti klinik, tanah untuk bercucuk tanam, dewan komuniti dan lain-lain.
- b) Menjamin kanak-kanak pekerja ladang dapat bersekolah, syarikat-syarikat ladang milik kerajaan juga memberi subsidi pengangkutan kanak-kanak ke sekolah antara 60% hingga 100% bagi setiap anak-anak pekerja ladang yang bersekolah.

6. Adalah diharap dengan peningkatan harga getah dan sawit serta langkah dan kemudahan-kemudahan yang dinyatakan, taraf kehidupan pekerja-pekerja ladang bertambah baik dan pendapatan mereka secara langsung ditingkatkan.

SOALAN NO : 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

TARIKH 7 April 2011

SOALAN

Datuk Chua Soon Bui (Tawau) minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) jumlah keluarga dan orang yang ditimpa banjir di setiap negeri dari tahun 2011 hingga sekarang; dan
- (b) jumlah subsidi yang diperuntukkan kepada setiap negeri semasa bencana-bencana lain dalam tempoh yang sama

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir apabila mereka pulang ke rumah, kerajaan telah menyalurkan bantuan wang ihsan sebanyak RM500 untuk setiap keluarga mangsa banjir. Sejumlah **RM24,866,000.00** telah diagihkan kepada mangsa banjir yang berlaku pada akhir tahun 2010 dan awal tahun 2011. Perincian agihan wang dan jumlah keluarga yang menerima mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil	NEGERI	BANTUAN	JUMLAH KELUARGA
1	Kedah	RM15,474,000.00	30,948
2	Perlis	RM8,273,500.00	16,547
3	Terengganu	RM701,000.00	1,402
4	Kelantan	RM70,500.00	141
5	Sabah	RM48,500.00	70
6	Melaka	RM15,000.00	21
7	Johor	RM52,000.00	104
8	Pahang	RM231,500.00	463
JUMLAH		RM24,866,000.00	49,696

Penyaluran bantuan ihsan ini bukanlah bersifat ganti rugi atau subsidi sebaliknya berbentuk ihsan kerajaan Persekutuan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir. Tiada peruntukkan khas yang diberikan kepada setiap negeri bagi tujuan pemberian wang ihsan tersebut. Namun demikian bantuan yang disalurkan adalah berdasarkan permohonan yang dibuat oleh daerah atau negeri melalui Jawatakuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negeri/Daerah dan dimajukan permohonan tersebut kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk diperakukan kepada Y.A.B Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

NS',XJ.

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

S

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan
Onn**

KAWASAN

Alor Gajah 7.4.2011 (Khamis)

TARIKH

27

NO. SOALAN

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn \ Alor Gaiah 1 minta
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI menyatakan jumlah permit lulus (*approved
permit*) untuk kereta yang telah dikeluarkan sejak 2009 dan
berapa dari jumlah ini adalah untuk kenderaan hybrid.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

**Dari tahun 2009 sehingga 1 Mac 2011. Jumlah Lesen
Import (AP) kenderaan (AP Terbuka dan AP Francais) yang
telah dikeluarkan kepada svarikat-svarikat pemegang AP
adalah seperti berikut:**

Tahun	<u>Jumlah AP keluar (Unit)</u>
2009	33,492
2010	53,689
2011 (sehingga 1 Mac 2011)	11,690

Daripada jumlah ini, AP yang telah dikeluarkan bagi kenderaan hybrid adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah AP keluar (Unit)</u>
2009	299
2010	340
2011 (sehingga 1 Mac 2011)	468

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN

MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

[IPOH BARAT]

TARIKH 7 APRIL 2011

SOALAN

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah aduan yang diterima sejak tahun 2005 terhadap kealpaan doktor Kerajaan dan swasta, serta senaraikan butiran terperinci mengikut jenis aduan.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah aduan yang diterima di Kementerian Kesihatan Malaysia dari tahun 2006 hingga 2010 adalah sebanyak 20,830 dan jumlah aduan berpotensi mediko legal (kealpaan) adalah sebanyak 418 (2%). (Rujuk Lampiran I)

Kajian terhadap 105 kes kecuaiian yang telah diputuskan daripada tahun 2005 sehingga 2010 menunjukkan bahawa kes kecuaiian akibat kesilapan mendiagnosa pesakit adalah sebanyak 27.6%, kes kecuaiian disebabkan oleh kecederaan terhadap pesakit (otak, tulang, saraf, saluran kencing, rahim, anggota badan dan lain-lain) adalah sebanyak 25.7%, kes kecuaiian disebabkan oleh kesilapan dalam perawatan seperti tidak membuat rujukan kepada pegawai perubatan yang lebih berpengalaman/pakar perubatan sebanyak 20.9%, kes kecuaiian yang disebabkan oleh bendasing didapati tertinggal semasa prosedur/pembedahan sebanyak 12.4%, dan kes kecuaiian yang disebabkan tidak mengikut *standard operating procedure* (SOP) contohnya kesilapan pemindahan darah dan tidak melakukan pemantauan pesakit adalah sebanyak 13.3%. (Rujuk Lampiran II)

I

Bilangan aduan yang diterima oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhubung doktor swasta di dapati semakin meningkat dari tahun 2005. (Rujuk Lampiran III)

Kementerian memandang serius ke atas aduan-aduan yang diterima daripada rakyat dan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya -agar aduan yang serupa dapat ditangani. Di bawah Seksyen 36 Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] di mana terdapat peruntukan mengenai mekanisme ketidakpuasan hati, yang menyatakan aduan yang diterima oleh pihak - kemudahan jagaan kesihatan swasta hendaklah dikendalikan melalui pelan dan mekanisme ketidakpuasan hati. Kemudahan jagaan kesihatan swasta hendaklah bertanggungjawab terhadap aduan yang diterima dan dikendalikan dengan wajar dan adil.

Jumlah aduan yang diterima oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM) berkaitan etika perubatan terhadap doktor Kerajaan dan swasta (berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971) menunjukkan tren peningkatan bilangan aduan di mana pada tahun 2005, terdapat 56 kes (11.6%) diikuti pada tahun 2006, terdapat 68 (14.1 %), 2007 terdapat 41 kes (8.5%), 2008 terdapat 87 kes (18.0%), 2009 terdapat 119 kes (24.6%) dan 2010 terdapat 112 kes (23.2%). Sila rujuk Lampiran IV untuk Jadual 4 yang menunjukkan bilangan aduan diterima oleh MPM.

Peratus jenis aduan yang paling tinggi adalah kecuaiian/tidak menghormati tanggungjawab profesional sebanyak 284 kes (58.8%), diikuti penyalahgunaan hak profesional dan kemahiran sebanyak 117 kes (24.2%), merendahkan reputasi profesional perubatan 42 kes (8.7%) dan pengiklanan, pengundian (*canvassing*) dan berkaitan perubatan yang melanggar profesional sebanyak 40 kes (8.3%).

[Nota : MPM tidak mengendalikan aduan berkenaan kealpaan (kecuaiian) yang diselesaikan oleh Mahkamah]

LAMPIRAN I

Jadual 1 : Bilangan aduan diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan bilangan aduan berpotensi mediko legal (kealpaan) doktor Kerajaan

Tahun	Bilangan aduan diterima di KKM	Aduan berpotensi mediko legal	% (Aduan berpotensi mediko legal)
2006	425	28	6.6
2007	3758	48	1.3
2008	5044	78	1.5
2009	5602	138	2.5
2010	6001	126	2.1
Jumlah	20,830	418	2.0

Komen : Terdapat tren penurunan peratus aduan berpotensi mediko legal (kealpaan) di fasiliti kesihatan Kerajaan di mana pada tahun 2006 peratus aduan berpotensi mediko legal (kealpaan) doktor Kerajaan adalah 6.6% dan menurun kepada 1.3% pada tahun 2007, 1.5% pada tahun 2008. Pada tahun 2009 terdapat sedikit peningkatan sebanyak 2.5% dan 2.1% pada tahun 2010.

LAMPIRAN II

Jadual 2 : Peratus kes mediko legal yang telah selesai di peringkat mahkamah dan *ex gratia* bagi 105 kes yang dikaji pada tahun 2005 hingga 2010

Kategori	Bilangan	%
1. Kesilapan mendiagnosa pesakit (contoh: diagnosa <i>Acute Gastritis</i> kepada pesakit <i>Acute Myocardial Infarction</i> , <i>cirit bint (Acute Gastroenteritis)</i> kepada pesakit <i>Acute Appendicitis</i>)	29	27.6
2. Kecederaan terhadap pesakit	27	25.7

(contoh: otak, tulang, saraf, saluran kencing, rahim, anggota badan dan lain-lain)

TAHUN	JUMLAH ADUAN	
2005	40	
3. Kesilapan perawatan (contoh: tidak membuat rujukan kepada pegawai perubatan yang lebih berpengalaman/pakar perubatan)	22	20.9
4. Bendasing tertinggal (contoh: tertinggal <i>forceps</i> , <i>gauze</i> , <i>abdominal Pack</i> , jarum dan lain-lain)	13	12.4
5. Tidak mengikut <i>standard operating procedure</i> (SOP) (contoh: kesilapan pemindahan darah dan tidak melakukan pemantauan dan lain-lain)	14	13.3
Jumlah	105	100.0

LAMPIRAN III

Jadual 3 : Bilangan aduan yang diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berhubung dengan doctor swasta pada tahun 2005 hingga 2010

2006	82
2007	155
2008	174
2009	275
2010	333

Komen : Aduan yang diterima di kategorikan kepada 6 aspek iaitu ketidakpuasan hati, pelanggaran akta dan peraturan, kecuaiian, caj, etika/amalan serta lain-lain. Jumlah aduan untuk tahun 2010 adalah 333 kes di mana 52 aduan yang diterima adalah berkaitan pengamal perubatan iaitu 15.6% dari keseluruhan aduan yang diterima.

Lampiran IV

Jadual 4 : Bilangan aduan diterima oleh Majlis Perubatan Malaysia

Jenis aduan	2005	2006	2007	2008	2009	2010	Jumlah
1. Kecuaian / tidak menghormati tanggungjawab professional	30	40	22	44	72	76	284
2. Penyalahgunaan hak professional dan kemahiran	16	12	12	23	31	23	117
3. Merendah reputasi profesion perubatan	5	13	4	8	4	8	42
4. Pengiklanan, pengundian dan berkaitan perubatan yang melanggar professional	5	3	3	12	12	5	40
Jumlah	56	68	41	87	119	112	483

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ
(SRI GADING)**

TARIKH

07.04.2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan jumlah peruntukan yang diperlukan dalam mengatasi masalah kemudahan asas seperti kemudahan elektrik, bekalan air bersih dan jalan-jalan penghubung antara kampung di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah diluluskan peruntukan berjumlah RM14.945 bilion bagi membiayai pelaksanaan program/projek pembangunan luar bandar sepanjang tempoh dua tahun pertama RMKe-10 (2011 - 2012). Daripada jumlah tersebut, peruntukan yang dikhususkan bagi membiayai keperluan kemudahan asas luar bandar seperti program bekalan air luar bandar (BALB), bekalan elektrik luar bandar (BELB), jalan luar bandar (JALB) dan jalan perhubungan desa (JPD) di Sabah dan Sarawak adalah sebanyak RM8.952 bilion. Jumlah tersebut merupakan 59% daripada keseluruhan peruntukan yang diterima oleh Kementerian untuk tempoh dua tahun pertama RMKe-10.

Pecahan peruntukan tahun 2011 - 2012 bagi program-program tersebut mengikut negeri

Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

PROGRAM	Peruntukan 2011 - 2012 <i>(RM juta)</i>	
	Sabah	Sarawak
Bekalan Air Luar Bandar (BALB)	1,586.45	1,254.22
Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)	1,089.00	1,241.44
Jalan Luar Bandar (JALB)	2,026.49	1,670.59
Jalan Perhubungan Desa (JPD)	40.00	44.00
JUMLAH	4,741.94	• 4,210.26

SOALAN NO.:

PEMBERJTAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN

KAWASAN BANDAR KUCHING

TARIKH 7 APRIL 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah yang akan diambil kebelakangan ini untuk menaik taraf rangkaian Jalan Persekutuan di Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kerajaan Persekutuan sememangnya sedar dan mengambil maklum mengenai kepentingan bagi menaik taraf Jalan Persekutuan Pan Borneo di Malaysia Timur, iaitu melibatkan jarak jalan keseluruhan sepanjang 1,081 kilometer di Negeri Sarawak dan 691 kilometer di Negeri Sabah. Cadangan untuk menaik taraf sistem rangkaian jalan raya yang selesa ini akan dapat membantu Kerajaan untuk mempertingkatkan usaha pembangunan koridor dan pertumbuhan ekonomi di sepanjang jajaran jalan Persekutuan Pan Borneo berkenaan.

Walaupun begitu, perancangan bagi membina jaringan jalan dan lebuh raya di seluruh negara, termasuk di Negeri Sarawak dibuat berpandukan kepada Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Lebuh Raya atau *Highway Network Development Plan* (HNDP). Laporan HNDP bagi Malaysia Timur, 2010 bagi Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah menggariskan cadangan untuk menaik taraf jalan Persekutuan Pan Borneo kepada standard piawai JKR R5, 4 lorong 2 hala. Ia akan dilaksanakan secara berperingkat- peringkat dalam setiap Rancangan 5 Tahun Kerajaan, bermula dari RMKe-10 dan tertakluk kepada peruntukan Kerajaan. Antara jajaran Jalan Persekutuan Pan Borneo di Negeri Sarawak yang menjadi keutamaan

kementerian ini untuk dinaikkan dalam Tempoh Separuh

Kedua RMKe-10 ialah dari Serian ke Seri Aman sepanjang 130 kilometer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kerja Raya sentiasa menjalankan Program Audit Keselamatan bagi memastikan Jalan Persekutuan di seluruh negara, termasuk Jalan Pan Borneo di Negeri Sarawak sentiasa berada dalam keadaan yang selamat. Sehubungan itu, pada tahun 2010 sahaja, iaitu sehingga 31 Mac 2011, Kementerian Kerja Raya telah meluluskan peruntukan sebanyak RM9 juta bagi tujuan menyelenggara dan menaik taraf laluan tertentu di Jalan Persekutuan Pan Borneo. Di samping itu, Kementerian Kerja Raya juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk menyelenggara dan menaik taraf Jalan-Jalan Persekutuan Iain di Negeri Sarawak, seperti Jalan Bintulu-Bakun.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Persekutuan juga turut meluluskan peruntukan di bawah kementerian dan agensi-agensi lain bagi maksud meningkatkan aksesibiliti jalan-jalan perhubungan, khususnya di kawasan luar bandar di Negeri Sarawak. Ini termasuk projek-projek jalan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri di bawah Program Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) serta Kementerian Pertahanan di bawah Program Jiwa Murni. Di dalam masa yang sama, Negeri Sarawak juga turut menerima Peruntukan Khas di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk program pembangunan koridor pembangunan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui

Sarawak (SCORE).

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA	DATUK MD.SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]
TARIKH	7 APRIL 2011
SOALAN	31

Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana kebenarannya dakwaan yang mengatakan antara punca peningkatan kemalangan jalan raya adalah penggunaan alat ganti tiruan kenderaan. Berapakah jumlah penggunaan alat ganti tiruan ini dan nyatakan negara-negara pengeluarannya yang diimport oleh negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Sehingga kini, berdasarkan kepada laporan kemalangan bas yang disediakan oleh jabatan/agensi yang berkaitan, tiada bukti yang jelas menunjukkan bahawa punca kemalangan jalan raya yang melibatkan bas adalah disebabkan penggunaan alat ganti tiruan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan penggunaan alat ganti tiruan kenderaan yang digunakan oleh mana-mana kenderaan pasti akan menjejaskan tahap keselamatan kenderaan tersebut. Hal ini kerana keupayaan dan jangka hayat alat ganti tiruan tidak akan mencapai piawaian yang ditetapkan dan seterusnya menyebabkan prestasi satu-satu sistem kenderaan tersebut terjejas.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini tidak mempunyai rekod jumlah penggunaan alat ganti tiruan dan negara-negara pengeluar alat-alat ganti tiruan tersebut memandangkan ia diimport secara tidak sah. Selain itu, penggunaan alat ganti tiruan ini juga sukar dikesan apabila dipasang pada kenderaan memandangkan penguatkuasaan di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 hanya boleh dijalankan di atas jalan raya sahaja dan bukan di premis-premis penjualan alat ganti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

TUAN LIM LIP ENG

[SEGAMBUT]

TARIKH

7 APRIL 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional menubuhkan jawatan Duta Khas dan lingkungan kerja (*scope of work*) Datuk Seri S.Samy Vellu; semua kos berkenaan termasuk gaji/elaun beliau, lokasi pejabat, berapa kakitangan diperuntukkan dan adakah tugas beliau bertindih dengan Duta kita di

NO. SOALAN : 32

negara lain terutamanya di India.

DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Rasional menubuhkan jawatan Duta Khas (Infrastruktur) ke India dan Asia Selatan adalah untuk meningkatkan penglibatan syarikat-syarikat Malaysia dalam pembangunan infrastruktur di India dan Asia Selatan. Oleh kerana negara-negara di Asia Selatan, terutamanya India, sedang mengalami pembangunan ekonomi yang pesat, keperluan infrastruktur yang berkualiti adalah amat penting untuk menyokong pembangunan ekonomi tersebut.

Tugasan Duta Khas (infrastruktur) tersebut tidak bertindih dengan tugas rasmi pegawai kerajaan yang lain kerana jawatan tersebut diwujudkan dengan mengambil kira realiti pembangunan ekonomi rantau Asia Selatan terkini dan juga kerana tugas tersebut adalah menumpu, dengan khasnya, kepada bidang infrastruktur di Asia Selatan sahaja.

Linkungan kerja Duta Khas adalah untuk mengenalpasti projek-projek infrastruktur di Asia Selatan yang sesuai dengan kelayakan dan kebolehan

syarikat-syarikat Malaysia. Seterusnya, Duta Khas akan mengerakkan peranan untuk mewujudkan peluang-peluang yang baik bagi syarikat-syarikat tersebut untuk mengambil bahagian dalam projek-projek tersebut mengikut undang-undang dan peraturan tempatan.

Gaji dan elaun sebulan Duta Khas adalah sebanyak RM27,227.20 manakala segala kemudahan dan elaun lain yang diberikan adalah selaras dengan taraf Duta Khas tersebut. Seramai 6 orang kakitangan telah diperuntukkan untuk bertugas di pejabat Duta Khas. Bermula 01 Jun 2011, Pejabat Duta Khas adalah di Tingkat 25, Plaza Sentral, KL Sentral, Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. DATIN LINDA TSEN THAU LIN
[BATU SAPI]

TARIKH 7 April 2011

SOALAN

Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan apakah skim yang sedia ada yang boleh membantu mangsa-mangsa akibat tanah runtuh dan banjir di Batu Sapi dan juga mangsa-mangsa rumah musnah akibat banjir /tanah runtuh.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Mangsa-mangsa bencana seperti yang ditakrifkan di bawah Arahan MKN No. 20 layak dipertimbangkan untuk menerima bantuan ihsan melalui peruntukan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN). Penyaluran bantuan ihsan ini bukanlah bersifat ganti rugi atau pampasan sebaliknya berbentuk ihsan kerajaan Persekutuan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir. Bantuan yang disalurkan adalah berdasarkan permohonan yang dibuat oleh daerah atau negeri melalui Jawatakuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negeri/Daerah dan dimajukan permohonan tersebut kepada Majlis Keselamatan Negara(MKN) untuk diperakukan kepada Y.A.B Perdana Menteri. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menyalurkan bantuan rumah musnah kepada mangsa. Selain itu, bantuan juga boleh diperolehi daripada Kerajaan Negeri melalui tabung bencana negeri.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 34
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH

LISAN
TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)
7.04.2011
(KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-

- (a) jumlah bayaran pencen dan bantuan kepada bekas tentera Malaysia dan juga warganegara yang jadi bekas tentera British: dan**
- (b) nyatakan bilangan yang terlibat dan jumlah wang yang perlu dibayar setiap bulan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa meningkatkan komitmen dalam menjaga hal ehwal kebajikan dan sosio ekonomi bekas-bekas tentera. Pada masa ini, bilangan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dianggarkan berjumlah seramai 300,000 orang di mana sebahagian besarnya merupakan bekas tentera yang tidak berpencen. Secara puratanya dianggarkan seramai 3,000 anggota ATM menamatkan perkhidmatan setiap tahun di mana 50% daripadanya adalah tidak berpencen.

Jumlah keseluruhan bayaran pencen sepanjang tahun 2010 kepada bekas tentera Malaysia termasuk warganegara yang menjadi bekas tentera British yang telah diserapkan ke dalam ATM adalah seperti berikut:

- a. Jumlah Pencen Setahun - RM1.179 bilion**
- b. Jumlah Pencen Sebulan - RM98.268 juta**
- c. Jumlah Penerima Pencen - 96,042 bekas tentera setahun**

Pencen bagi bekas tentera British yang dibayar oleh Kerajaan British bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:

- a. Jumlah Pencen Setahun - RM293,563.80**
- b. Jumlah Pencen Sebulan - RM24,463.65**
- c. Jumlah Penerima Pencen - 679 bekas tentera British**

Pencen ini dibayar oleh Kerajaan British berdasarkan tempoh perkhidmatan mereka terdahulu di dalam *Imperial Army*. Walau bagaimanapun, berdasarkan amalan semasa, pembayaran akan didahulukan oleh JHEV ATM sebelum dituntut kembali daripada Kerajaan British.

Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan semua Veteran ATM termasuk Veteran ATM yang tidak berpencen. JHEV menyediakan peruntukkan yang secukupnya untuk bayaran perubatan termasuk rawatan, rawatan hemodialisis, peralatan pesakit dan ubat-ubatan serta Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV.

Tuntutan keseluruhan bagi bayaran balik kemudahan perubatan untuk Veteran ATM berpencen dan tidak berpencen termasuk tanggungan mereka yang layak sepanjang tahun 2010 adalah seperti berikut:

1. Veteran Berpencen:

- a. Bilangan Penerima - 8,744 orang
- b. Jumlah Perbelanjaan - RM28.9 juta

2. Veteran Tidak Berpencen:

- a. Bilangan Penerima - 3,214 orang
- b. Jumlah Perbelanjaan - RM11.2 juta

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**SOALAN NO: 35
JAWAB LISAN
Dato' Shamsul
Anuar bin**

Nasarah [Lenggong]

7 April 2011 (Khamis)

**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan:

- (a) jumlah dan bentuk perbelanjaan Kementerian kepada petani atau pekebun akibat bencana banjir dan apakah langkah jangka panjang mengatasi kemusnahan akibat bencana ini; dan
- (b) bentuk bantuan yang Kementerian boleh keluarkan kepada petani yang mengalami kerugian akibat bencana alam.

JAWAPAN

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

(a) Kerajaan menyediakan bantuan wang ehsan kepada petani yang mengalami kerugian akibat banjir melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN). Kadar bantuan yang diberikan adalah berdasarkan kadar yang telah ditetapkan oleh MKN.

Antara langkah - langkah jangka panjang yang diambil untuk mengatasi kemusnahan akibat bencana ini adalah:

- i. Pemilihan dan pembangunan kawasan pertanian baru khususnya projek berimpak tinggi di luar kawasan yang terlibat dengan banjir; dan

ii. membina projek tebatan banjir dengan dua saluran lencongan utama iaitu Lencongan Sungai Baru dan Lencongan Sungai Limau di Kawasan Muda. Projek ini dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

(b) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui jabatan - jabatan di bawahnya menyediakan bantuan berupa pinjaman peralatan ladang, pam air serta bekalan input pertanian yang bersesuaian dengan skop dan peruntukan sedia ada kecuali bagi tanaman padi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA **JAWAB LISAN** **TUAN SAIFUDDIN**
NASUTION BIN ISMAIL

TARIKH **7 APRIL 2011 (KHAMIS)**

SOALAN **N0.36**

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bidang kuasa yang diberikan kepada pihak universiti dalam menetapkan peraturan-peraturan berkaitan dengan perjalanan pilihan raya di seluruh kampus dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah memberi kuasa kepada Naib Canselor dalam menguruskan proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di setiap IPTA. Kementerian berpendapat IPTA mampu menjalankan amanah yang diberikan ini dengan penuh tanggungjawab bagi memastikan proses pemilihan berjalan lancar dan tidak mengganggu proses pembelajaran di IPTA. Naib Canselor di sesebuah IPTA juga diberi kuasa untuk menentukan jumlah kerusi yang dipertandingkan di peringkat Umum dan Fakulti.

Pada masa ini, pengendalian proses pemilihan MPP dibuat berpandukan kepada Peraturan Pemilihan Wakil Majlis Perwakilan Pelajar yang telah diwujudkan. Bagi memastikan ketelusan dalam pemilihan MPP, beberapa jawatankuasa juga ditubuhkan di IPTA iaitu:

- | | | |
|--------------------|--------------|--------|
| i. | Jawatankuasa | Induk |
| Pemilihan MPP; | | |
| ii. | Jawatankuasa | Kerja |
| Pemilihan MPP; | | |
| iii. | Jawatankuasa | Rayuan |
| Pemilihan MPP; dan | | |
| iv. | Jawatankuasa | Audit |
| Pemilihan MPP. | | |

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJIABD. MUTTALIB

TARIKH: 7 APRIL 2011

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan Kementerian sebelum ini telah melancarkan kursus MLVK bagi memberi kemudahan golongan belia mendapatkan kemahiran terutamanya dalam bidang komputer dan ICT. Ia dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai syarikat yang melibatkan kaum belia atau yang lainnya. Berapakah jumlah pelajar yang dilahirkan, perbelanjaan Kementerian dan berapa ramaikah antara mereka yang berpeluang mendapat pekeijaan baik dengan Kerajaan mahupun swasta serta apakah yang terjadi dengan program berkenaan masa kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada awal tahun 2011, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melaksanakan program *Specialised Training and Advanced Recruitment* (STAR) yang bertujuan untuk menyediakan graduan lepasan diploma dan ijazah pertama yang baru menamatkan pengajian dengan kemahiran dan kompetensi bagi meningkatkan kebolehpekerjaan mereka sebelum memasuki alam pekerjaan. Sebanyak RM6.88 juta telah diperuntukkan untuk melatih 1,015 pelatih dalam bidang ICT.
2. PSMB mulai tahun 2004 hingga 2009 telah melatih 1,383 graduan ICT yang bvikan dari aliran pengaturcaraan dalam bidang *Open Source Technology* dan *Client Server* dengan bantuan kewangan bejumlah RM24.71 juta. Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran graduan dalam bidang pembangunan perisian dan untuk meningkatkan bilangan pakar pembangunan perisian di dalam negara. Kajian keberkesanan yang dijalankan menunjukkan bahawa lebih daripada 95% pelatih yang mengikuti latihan ini mendapat pekerjaan selepas menamatkan latihan mereka.
3. PSMB juga bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 telah meluluskan 256,561 tempat latihan kepada pekerja bagi mengikuti latihan komputer dan ICT dengan bantuan kewangan bejumlah RM179.06 juta.
4. Mengikut rekod Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia, bagi tempoh tahun 2006 hingga tahun 2010, telah mengeluarkan sebanyak 53,581 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang Komputer dan ICT kepada pelatih-pelatih yang mengikuti latihan di institusi latihan kemahiran yang ditauliahkan oleh JPK di seluruh negara.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Bagi Makluman Dewan Yang Mulia, bagi memastikan pemegang SKM memenuhi kehendak pasaran semasa, JPK dengan kerjasama dan kolaborasi sektor industri berkenaan telah membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) sebagai tanda aras dimensi latihan yang perlu ditepati dan dilaksanakan oleh sesebuah institusi latihan kemahiran. Oleh yang demikian, setiap pelatih yang berjaya menamatkan latihan dari institusi-institusi latihan kemahiran yang ditauliahkan, mempunyai tahap kebolehkerjaan yang tinggi dalam bidang masing-masing kerana latihan yang diterima adalah memenuhi standard yang telah ditetapkan oleh sektor industri berkenaan. Selain daripada itu juga, sepanjang menjalani latihan, pelatih latihan kemahiran juga diterapkan dengan elemen *core ability* yang merangkumi pembangunan sahsiah diri seperti keberkesanan komunikasi, hubungan kerjasama, pengurusan dan perancangan kerja, pengurusan sumber dan bekerja dengan bersistem sebagai salah satu modul asas sebelum menamatkan latihan.

NO. AUM : 37

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH 7 APRIL 2011

RUJUKAN 3469

SOALAN:

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) berapa peratusan dan bilangan anggota Polis dalam kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan yang ditugaskan untuk mencegah jenayah berbanding dengan anggota polis dalam urusan kerja pentadbiran, *special branch* dan lain-lain; dan

(b) nombor bilangan jenis kes jenayah mengikut kategori yang berlainan pada tahun 2008, 2009 dan 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bilangan anggota polis yang bertugas dalam kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan adalah seramai 1235 orang anggota, iaitu seramai 358 anggota di Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang dan 877 orang anggota di Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya.

Daripada jumlah tersebut, bagi Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang seramai 319 orang anggota polis ditugaskan untuk mencegah jenayah iaitu mewakili peratusan sebanyak 89%. Manakala seramai 22 orang anggota bertugas dalam kerja pentadbiran dan 17 orang anggota terlibat dalam tugas '*special branch*'.

Bagi Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya, seramai 842 orang anggota ditugaskan untuk mencegah jenayah, iaitu mewakili peratusan sebanyak 96%. Manakala seramai 19 orang anggota bertugas dalam kerja pentadbiran dan 16 orang anggota terlibat dalam tugas '*special branch*'.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah bilangan kes jenayah yang telah direkodkan bagi tahun 2008

ialah sebanyak 2212 kes iaitu yang melibatkan jenayah kekerasan, manakala sebanyak 7016 kes yang melibatkan jenayah harta benda turut direkodkan. Jumlah keseluruhan kes yang telah direkodkan pada tahun 2008 ialah sebanyak 9228 kes.

Bagi tahun 2009, jumlah kes jenayah kekerasan yang telah direkodkan ialah sebanyak 2460 kes manakala jenayah harta benda ialah sebanyak 6839 kes. Jumlah keseluruhan kes yang telah direkodkan pada tahun 2009 ialah sebanyak 9299 kes.

Bagi tahun 2010, jumlah kes jenayah kekerasan yang telah direkodkan ialah sebanyak 1595 kes manakala jenayah harta benda ialah sebanyak 4924 kes. Jumlah keseluruhan kes yang telah direkodkan pada tahun 2010 ialah sebanyak 6519 kes.

NO.SOALAN: 39..

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUA BELAS ____ (2011)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 7 APRIL 2011

DARIPADA Y.B DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN [TANJONG MANIS]

SOALAN

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan untuk menghantar dengan lebih kerap ustaz, ustazah dan pensyarah bertauliah untuk menggiatkan aktiviti syarahan agama dan aktiviti keagamaan di luar bandar dan pulau-pulau di kawasan Parlimen Tanjong Manis; dan
- (b) sama ada Kementerian dapat memberi lebih dana untuk perjalanan dan bahan ilmiah serta buku-buku agama bagi ustaz dan ustazah berdakwah ke kampung-kampung dan pulau-pulau di Tanjong Manis.

**JAWAPAN: (Y.B.SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) amat prihatin dan berusaha mempertingkatkan penyebaran dakwah Islam di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, program dan aktiviti keagamaan di Sarawak diselaras dan diuruskan oleh Jakim, JAIN, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam di Sarawak. Cadangan penambahan kekerapan serta penghantaran lebih ramai penceramah agama yang bertauliah ke kawasan luar bandar dan pulau-pulau di sekitar Kawasan Tanjung Manis adalah boleh dipertimbangkan dari semasa ke semasa selaras dengan peruntukan jabatan yang sedia ada.
- (b) Dana bagi tuntutan perjalanan adalah tertakluk kepada peruntukan tahunan Jabatan iaitu berdasarkan pekeliling - pekeliling perkhidmatan serta perbendaharaan yang sedia ada. Manakala Bahan-Bahan ilmiah untuk pendakwah di Sarawak telah disalurkan kepada Jabatan Agama Islam Sarawak melalui Program Pengimarahannya Masjid. Buku Kokurikulum Modul Pengajian Takmir Masjid/Surau telah dijadikan sebagai panduan asas yang merangkumi aspek akidah, fekah, akhiak, tafsir, hadis dan sirah Nabi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
SOALAN NO**

**LISAN Y.B. DR. SITI
MARIAH BINTI MAHMUD**

**PERTANYAAN : KOTA RAJA 7 APRIL
2011 (KHAMIS)**

DARIPADA

KAWASAN SOALAN:

TARIKH

Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
(KOTA RAJA) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian mengikut kelas dan sejauh mana kejayaan kontraktor kelas F Bumiputera dapat keluar daripada kategori ini kepada kelas yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sehingga 28 Februari 2011, bilangan kontraktor sivii yang berdaftar dengan Kementerian Kerja Raya ialah sebanyak 35,761 kontraktor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 38,560 atau 94% merupakan kontraktor Bumiputera manakala bakinya sebanyak 2,556 terdiri daripada kontraktor bukan Bumiputera. Maklumat mengenai pecahan kontraktor mengikut kelas pendaftaran ialah seperti berikut:

<i>mtmt</i>	<i>wKEBKKm</i>	
A	1,669	562
B	869	359
C	1,682	385
D	3,561	758
E	2,022	492
F	28,757	
JUMLAH	38,560	2,556

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kerajaan telah membekukan permohonan pendaftaran baru lesen kontraktor Kelas F mulai pada 30 Mac 2005. Ini kerana Kerajaan berpandangan jumlah kontraktor Kelas F yang terlibat pada masa itu adalah terlalu ramai,

iaitu seramai 35,000 kontraktor berbanding jumlah kerja yang mampu ditawarkan Kerajaan. Berikutan dasar tersebut, syarat-syarat pendaftaran lesen kontraktor Kelas F sedla ada telah diperketatkan dan jumlah tersebut pada masa kini semakin berkurangan, iaitu seramai 28,757 kontraktor Kelas F sehingga 28 Februari 2011 yang lalu.

Walaupun bagaimanapun, dari tahun 2010 hingga kini hanya terdapat sebanyak 47 kontraktor Kelas F sahaja yang telah meningkatkan tahap kelas pendaftaran mereka ke kategori lebih tinggi, iaitu Kelas E hingga B. Jumlah yang keel! tersebut menunjukkan kecenderungan bahawa kontraktor kelas F di negara ini sebenarnya lebih berminat untuk terus berada di zon selesa (kelas Bumiputera). Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya telah menjalankan kajian tentang mekanisme terbaik untuk membantu kontraktor-kontraktor Bumiputera untuk bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Memorandum jemaah Menteri mengenai cadangan pemantapan kontraktor Bumiputera itu akan dibentangkan untuk pertimbangan jemaah Menteri selewat-lewatnya pada bulan Julai **2011**.

Sekian. Terima kasih.

No.
Soalan:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN JAWAB
DEWAN RAKYAT LISAN**

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH**

**DATO SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID
[PENGERANG]
7 APRIL 2011**

SOALAN

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said
[P&hgerang] minta MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan peranan dan langkah yang
dijalankan dalam memastikan isu keselamatan
dan kebajikan penuntut dan warganegara
Malaysia yang berada di luar negara selain dari
Mesir. Serta apakah terdapat sebarang
cadangan untuk mengambil langkah
pencegahan dengan memberi amaran dan
mengeluarkan mereka dengan lebih awal
sellhdainya berlaku kemungkinan yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Pengerang diatas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Perwakilan-perwakilan Malaysia di seluruh dunia sentiasa bersiapsiaga dalam menghadapi sebarang kemungkinan seperti kecemasan, bencana alam, krisis politik atau peperangan.

3. Secara amnya, semua Perwakilan Malaysia di luar negara mempunyai Pelan Kontigensi masing-masing berpandukan kepada Arahan Keselamatan Kerajaan Malaysia. Pelan Kontigensi ini merangkumi 4 tahap kesiapsiagaan iaitu Tahap Hijau, Kuning, Jingga dan Merah. Tahap Hijau menggambarkan keadaan stabil, aman dan tenteram. Tahap Kuning menggambarkan kekacauan dan ketegangan telah mula berlaku tetapi keadaan masih lagi terkawal. Tahap Jingga di mana keadaan dan situasi sekeliling menjadi semakin kritikal. Tahap yang terakhir adalah Tahap Merah di mana keadaan sudah tidak terkawal, kritikal, bahaya dan boleh mengancam keselamatan. Tahap kesiapsiagaan di sesebuah Perwakilan itu bergantung kepada penilaian Ketua Perwakilan berdasarkan kepada situasi semasa di negara tersebut.

4. Selain itu, Perwakilan Malaysia sentiasa memastikan semua rekod bagi warganegara Malaysia yang menetap di luar negara dikemaskini dan mengandungi maklumat yang lengkap seperti alamat tempat tinggal dan nombor perhubungan di negara berkenaan. Rekod ini memudahkan

Perwakilan Malaysia untuk mengenalpasti lokasi rakyat Malaysia yang menetap di luar negara semasa kecemasan. Selain daripada itu, rakyat Malaysia juga dinasihatkan agar mengelak daripada mendiami kawasan-kawasan yang berisiko tinggi seperti kawasan penempatan setinggan, kawasan berhampiran penjara dan kawasan-kawasan hitam yang sering berlakunya kegiatan jenayah.

5. Setiap rakyat Malaysia yang menetap atau berhasrat untuk menetap di luar negara telah diperingatkan melalui notis yang terkandung di bahagian belakang Pasport Antarabangsa Malaysia untuk mendaftarkan nama dan alamatnya semasa berada di luar negara di Pejabat Perwakilan Malaysia berhampiran. Adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia yang menetap di luar negara untuk berdaftar di Pejabat Perwakilan Malaysia. Dalam memudahkan urusan pendaftaran rakyat Malaysia yang menetap di luar negara, urusan pendaftaran kini boleh dilakukan secara atas talian (online) melalui laman sesawang Kementerian Luar Negeri iaitu www.kln.gov.my.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Melalui pengalaman krisis yang berlaku di Mesir baru-baru ini, Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah menghadapi masalah menentukan jumlah dan lokasi sebenar rakyat Malaysia kerana kebanyakan pelajar dan rakyat Malaysia yang tinggal di sana tidak mendaftar dengan Kedutaan Besar Malaysia. Ini telah menimbulkan kesulitan untuk menghubungi mereka. Keadaan menjadi lebih sukar apabila jaringan komunikasi termasuk internet di sana tergendala.

7. Sebagai kesimpulan, Kementerian Luar Negeri sentiasa siapsiaga

dan terus komited untuk membantu rakyat Malaysia di luar negara.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 44

NO. AUP \1}L

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]
TARIKH 7 APRIL 2011
RUJUKAN 3471

SOALAN:

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah drastik yang telah dilakukan untuk membendung masalah kanak-kanak dan remaja di bawah umur 18 tahun yang dilaporkan hilang seramai 4 orang setiap hari secara purata.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bachok yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, PDRM senantiasa berusaha untuk menangani serta membendung masalah kehilangan kanak-kanak dan remaja di bawah umur 18 tahun. PDRM sentiasa memandang serius masalah ini dan sentiasa mengambil tindakan segera sebaik sahaja laporan diterima. PDRM juga telah mengeluarkan Standard Operating Procedure (SOP) yang khusus berkaitan dengan hal ini. SOP ini merupakan panduan kepada setiap Ketua Polis Balai dan Ketua Bahagian Siasatan Jenayah supaya langkah yang responsif dan berkesan dapat diambil. Untuk tujuan ini, PDRM telah memperkenalkan *Sistem Nur Alert* iaitu sistem amaran awal kehilangan kanak-kanak dimana setiap Pegawai Penyiasat Jenayah perlu mengedarkan maklumat mengenai kanak-kanak hilang yang berumur 12 tahun kebawah kepada Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman untuk hebahan ke seluruh negara.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak PDRM akan sentiasa menjalankan tugas dengan serius dan berusaha untuk mengesan mangsa yang dilaporkan hilang sehingga dijumpai semula. Langkah-langkah pencegahan dan keselamatan kanak-kanak serta remaja tidak boleh dipertanggungjawabkan keatas pihak berkuasa semata-mata. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada orang ramai terutama ibu bapa serta penjaga adalah perlu bagi memastikan jenayah ini dari tidak berleluasa dan keselamatan anak-anak terjamin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Y.B. TUAN TENG BOON SOON (TEBRAU)**
TARIKH **7 APRIL 2011 (KHAMIS)**
SOALAN **Y.B. TUAN TENG BOON SOON** minta **PERDANA**

MENTERI menyatakan bagaimana selaku Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. boleh mengatasi rintangan tersurat dan tersirat, dalam tekad dan usaha menjelmakan konsep 1 Malaysia menjadi realiti kepada rakyat.

JAWAPAN:

Untuk makluman kepada Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri sendiri di Dewan Rakyat pada 17 Mac 2011 yang lalu telah memberi jawapan seperti berikut:

Sejak pelancaran konsep 1 Malaysia, penerimaan rakyat terhadap gagasan ini amat memberangsangkan. Pada peringkat awal, ada pihak tertentu yang cuba memanipulasikan konsep ini bagi mewujudkan polemik demi kepentingan politik mereka. Namun begitu dengan penjelasan terperinci di pelbagai peringkat, penerimaan yang amat baik jelas kelihatan di kalangan rakyat.

Kerajaan secara berterusan akan menerangkan tentang pengertian dan juga pengisian Gagasan 1 Malaysia ini. Malah di Dewan yang mulia ini telah beberapa kali dijelaskan tentang maksud 1 Malaysia yang tidak pernah lari dari roh dan semangat Perlembagaan Persekutuan dan prinsip-prinsip Rukun Negara yang sekian lama menjadi amalan dan penghayatan kita. Sama ada di kota mahupun di desa, malah di luar negara sekalipun, laungan 1 Malaysia tidak lekang dari bibir rakyat Malaysia di setiap majlis dan aktiviti masyarakat.

Setelah dua tahun pelaksanaannya, 1 Malaysia kini menjadi simbol dan sebutan yang menyemarakkan semangat patriotisme dan perpaduan. Sudah tentu kejayaan sebegini kurang disenangi oleh pihak tertentu yang hanya memikirkan manfaat politik yang dapat diraih apabila berlaku persengketaan dan perselisihan antara kaum. Oleh itu, pihak seperti ini akan sentiasa mencari jalan untuk memutarbelitkan fakta, mengaburkan yang jelas dan menggelapkan yang terang demi mewujudkan modal politik yang boleh mereka perdagangkan.

Pendek kata, walau beribu kali diterangkan sekalipun, walau jelas mendapat sokongan padu sebilangan besar rakyat negara ini sekalipun, akan sentiasa berlaku peranan pihak-pihak tertentu yang mencari muslihat untuk menimbulkan penafsiran yang berbeza lagi mengelirukan. Golongan ini sebenarnya tidak perlu dipedulikan. Yang jelas hari ini sebilangan besar rakyat Malaysia tertarik dan menerima 1 Malaysia sebagai satu gagasan yang mengeratkan talian muhibah di kalangan semua kaum selain menyemarakkan semangat cinta kepada negara dan inilah matlamat utama konsep ini diperkenalkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **Y.B. TUAN WONG HO LENG**

KAWASAN **SIBU**

TARIKH **7 APRIL 2011 (KHAMIS)**

SOALAN NO.:

SOALAN:

Y.B. TUAN WONG HO LENG (SIBU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos pembinaan Jambatan Durin di Sibul. Mengapa jambatan tersebut hanya mempunyai 2 lorong ketika jalan menghubungkan kedua-dua belah jambatan mempunyai 4 lorong.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Jambatan Batang Rajang di Sibul, Sarawak atau lebih dikenali sebagai Jambatan Durin telah mula dibina pada tahun 1999 dan siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2006. Pembinaan jambatan tersebut dengan nilai kos projek keseluruhan sebanyak RM115 juta ini mengalami kelewatan disebabkan oleh keiemanan pengurusan kontraktor utama dan masalah teknikal di tapak bina. Walau bagaimanapun, masalah tersebut telah diatasi setelah Kerajaan melantik sub kontraktor yang baru menerusi kaedah

Nominated Sub Contractor (NSC).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, reka bentuk untuk pembinaan jambatan Durin telah dibuat pada tahun 1994. Ia melibatkan skop pembinaan sebuah jambatan *single carriageway* 2 lorong dengan struktur konvensional (*post-tensioned concrete box girder*) sepanjang 1.2 kilometer dan ketinggian maksimum 20 meter dari paras Sungai Rajang. Walaupun begitu, reka bentuk untuk *bridge substructure* atau bahagian asas Jambatan Durin sebenarnya telah mengambil kira keperluan untuk dinaikkan taraf 4 lorong 2 hala pada masa hadapan, iaitu menerusi pembinaan *deck* jambatan 2 lorong yang baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, standard piawai jalan- jalan tuju ke jeti feri Sungai Rajang (lokasi Jambatan Durin) pada akhir 1990-an ialah 2 lorong 1 hala sahaja. Ini kerana jumlah trafik di jalan tuju tersebut masih lagi rendah (12,500 kenderaan sehari) dan belum mencapai keperluan untuk dinaikkan taraf kepada 2 lorong 2 hala atau *dual carriageway*. Berikutan siapnya Jambatan Durin pada tahun 2006, Kerajaan telah memutuskan untuk menaik taraf jalan-jalan tuju di kedua-dua belah jambatan berkenaan. Ia melibatkan pelebaran jalan 4 lorong 2 hala dari Lapangan Terbang Sibu ke Jambatan Batang Rejang dan dari bandar Sibu ke Jambatan Durin. Kedua-dua projek pelebaran jalan tersebut telah pun disiapkan, masing-masing pada bulan Januari 2008 dan bulan Mei **2010**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lagi, berdasarkan kos semasa anggaran peruntukan yang diperlukan untuk menaik taraf

Jambatan Durin kepada 4 lorong 2 hala ialah sebanyak RM95 juta. Sehubungan itu, pada masa kini Kementerian Kerja Raya masih sedang meneliti aspek-aspek teknikal yang berkaitan sebelum mencadangkan pelaksanaan projek ini dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 kelak.

Sekian. Terima kasih.

layak dibuat oleh Jawatankuasa Bantuan di peringkat sekolah. Walau bagaimanapun, memandangkan sistem e-Kasih masih di fasa permulaan dan berkemungkinan akan berlakunya keciciran bagi murid yang layak menerima bantuan maka KPM telah berpandangan SMM akan terus digunakan di samping penggunaan data e-Kasih.

Sehubungan itu, bagi tahun 2011, seramai 675,526 murid yang memenuhi kriteria pemberian KWAPM. Jumlah peruntukkan adalah sebanyak RM200 juta. Selain itu, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM247 juta bagi Rancangan Makanan Tambahan (RMT) pada tahun 2011 dan bilangan murid yang layak menerima RMT adalah seramai 691,768.

Rjm 78

SOALAN NO: 46

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MANOGARAN AJL MARIMUTHU

TARIKH: 7 APRIL 2011

SOALAN:

Tuan Manogaran a/1 Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan Seksyen 20 (3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 memerlukan kebenaran Menteri untuk merujuk aduan oleh pekerja di Mahkamah Perusahaan. Ini bertentangan dengan hak seorang rakyat termasuk pekerja untuk membawa majikan ke mahkamah tanpa sebarang halangan. Bolehkah S20 (3) itu dimansuhkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DI Pertua,

1. Sebelum Kerajaan boleh bersetuju supaya kuasa Menteri yang diperuntukkan di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan patut dimansuhkan atau tidak, kita perlu melihat dahulu semangat keseluruhan seksyen 20 ini dalam suasana keharmonian industri. Dalam hal ini, ia bermula dengan hak pekerja yang diberhentikan untuk membuat representasi kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan atas kepercayaan pekerja itu bahawa beliau berhak diambil semula bekerja oleh majikan yang memberhentikannya.

2. Sehubungan dengan hak itu, Jabatan Perhubungan Perusahaan hanya diberi peranan untuk menentukan sama ada rundingan damai boleh dibuat sebelum pertikaian antara pekerja dan majikan itu menjadi semakin panjang dengan hujah-hujah perundangan di Mahkamah kelak. Sekiranya rundingan damai itu gagal dicapai, maka Jabatan Perhubungan Perusahaan perlu merujuk pertikaian tersebut untuk YB Menteri mempertimbangkan sama ada kes itu patut atau tidak patut dibicarakan di Mahkamah Perusahaan. Inilah satu bentuk budibicara yang diberikan kepada Menteri untuk melihat kes-kes ini dari perspektif perhubungan perusahaan yang harmoni bagi memastikan hanya pekerja yang mempunyai tuntutan yang benar-benar layak dibicarakan di Mahkamah Perusahaan untuk membolehkan beliau diambil bekerja semula; dan bukan semata-mata untuk membolehkan pekerja itu menuntut pampasan daripada majikannya.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Apa yang perlu kita sedari ialah Mahkamah Perusahaan melibatkan suatu proses timbangtara di mana kes akan diteliti dan dipertimbangkan lebih dari perspektif undang-undang bagi menentukan merit kes iaitu sama ada majikan patut diarahkan

untuk mengambil pekerja itu semula atau tidak. Sekiranya, majikan enggan mengambil semula pekerja itu, maka di sinilah Mahkamah mempunyai kuasa untuk memberikan pampasan yang berpatutan sebagai gantian kepada keengganan majikan untuk menggaji semula pekerja itu.

4. Namun begitu adakah kita boleh elakkan jika berlaku kelak di mana semua kes secara mudahnya dirujuk ke Mahkamah Perusahaan, tanpa perlu melalui proses ini sehingga menyebabkan Mahkamah bukan sahaja perlu melihat kepada merit representasi dan merit 'reinstatement' itu, malah terpaksa menggunakan masa perbicaraan yang panjang untuk menentukan sama ada si pekerja itu layak atau tidak layak membuat representasi itu. Ini akan melibatkan perbicaraan yang panjang dan pertikaian undang-undang yang melambatkan lagi proses penyelesaian kes, kerana adanya kes yang remeh-temeh yang perlu dikendalikan dan diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan. Satu perkara yang perlu kita ingat ialah semua kes yang diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan, tidak kira sama ada keputusan itu silap atau betul, keputusan itu masih boleh dicabar di Mahkamah Tinggi melalui proses semakan kehakiman.

5. Oleh sebab itu, penapisan yang dibuat oleh Menteri merupakan suatu proses keadilan kepada kedua-dua majikan dan pekerja di mana Menteri masih bertanggungjawab membuat keputusan secara adil dengan izin, 'to act judiciously' bagi memastikan kes-kes yang benar-benar tulin dan berraerit sahaja yang akan dikendalikan oleh Mahkamah Perusahaan

SOALAN NO:

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

JAWAB LISAN

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]

**TARIKH
SOALAN**

07 April 2011

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk membendung kenaikan harga ikan dan sayur-sayuran di Sabah yang telah melambung tinggi sekarang ini.

JAWAPAN :

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa berusaha untuk membendung kenaikan harga ikan dan sayur-sayuran di Malaysia termasuk di Sabah. Langkah - langkah yang diambil adalah:

- i. Membekalkan beberapa jenis sayuran dan buah-buahan terutama sayuran tanah tinggi kepada 3 outlet pasaraya Giant di Pantai timur Sabah bagi memberi penawaran harga yang lebih baik kepada pengguna;
- ii. Memperluaskan kawasan ladang kontrak ke beberapa daerah lain bagi meningkatkan konsistensi bekalan dan mengurangkan risiko dilanda banjir atau cuaca yang teruk;

Menggalakkan pengguna berbelanja di pasar tani dan Gerai Buah - buahan Segar (GBBS) yang disediakan oleh FAMA kerana ia menawarkan harga kompetitif kepada pengguna;

Bekerjasama dengan Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan Sabah untuk melaksanakan Program Ladang Kontrak di Negeri Sabah;

Menggalakkan penggunaan teknologi penanaman yang boleh meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran ladang. Sebagai contoh adalah penggunaan 'Sistem Sprinkler', teknologi fertigasi dan penggunaan baja organik dalam pembajaan;

Menambah bekalan ikan melalui penambahan bilangan pengusaha akuakultur;

menambah bilangan bot komersial bagi tujuan meningkatkan hasil tangkapan;

Menggalakkan Persatuan Nelayan Kawasan membuka lebih banyak Pasar Nelayan sebagai alternatif kepada harga dan kualiti ikan yang lebih berpatutan di kawasan pendaratan; dan

Memperbaiki hasil lebihan agar lebihan bekalan dikeluarkan dari sistem pemasaran sedia ada ini membolehkan harga kembali pulih kepada tahap normal.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA
BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR

(KETEREH)

TARIKH

7 April 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan secara terperinci bilangan isi rumah negeri Sarawak yang tidak mendapat bekalan asas air, elektrik dan

SOALAN NO : 48

perhubungan yang masih belum memuaskan mengikut kawasan Parlimen pada tahun 2010 **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Disember 2010, liputan bekalan elektrik di Sarawak adalah 87% manakala liputan air bersih pula adalah sebanyak 64%. Ini bermakna bagi seluruh negeri Sarawak yang terdiri daripada 31 kawasan Parlimen, sebanyak 13% lagi masih belum mendapat bekalan elektrik, manakala 36% pula masih belum mendapat bekalan air bersih.

Bagi mencapai hasrat untuk meningkatkan lagi kemudahan infrastruktur di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Areas* (NKRA) Infrastruktur Asas Luar Bandar, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah meneliti senarai keperluan dan keutamaan bagi Negeri Sarawak dan akan memastikan supaya sehingga 2012:

- (i) sebanyak 65,600 unit rumah lagi akan menerima bekalan elektrik menjelang 2012 bagi mencapai liputan 95%;
- (ii) sebanyak 84,700 unit rumah pula akan menerima bekalan air menjelang 2012 bagi mencapai liputan 90%; dan
- (iii) sepanjang 663km jalan luar bandar akan dibina atau di naik taraf.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. DATO' SERI MOHD. RADZI BIN

**SHEIKH AHMAD
KANGAR]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN**

7 APRIL 2011 (KHAMIS)

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan berlakunya semula krisis air di Lembah Klang berikutan penstrukturan semula industri air di Selangor yang kini menemui jalan buntu.

JAWAPAN Tuan Yang

Dipertua,

Situasi bekalan air di negeri Selangor telah mula menunjukkan tanda-tanda bahawa krisis air yang dijangkakan akan berlaku pada tahun 2014, sebenarnya akan berlaku lebih awal daripada yang dijangkakan. Kedudukan industri perkhidmatan bekalan air yang tidak menentu disebabkan keengganan Kerajaan Negeri untuk mematuhi terma perjanjian konsesi dan pada masa yang sama, melengah-lengahkan usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri, telah menyebabkan industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor berada dalam keadaan yang cukup membimbangkan. Unjuran yang dibuat oleh

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menunjukkan bahawa permintaan bekalan air terawat pada tahun 2011 di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dijangka meningkat kepada 4,511 juta liter sehari, iaitu melebihi keupayaan pembekalan sebanyak 4,326 juta liter sehari dengan defisit bekalan sebanyak 185 juta liter sehari. Menjelang akhir tahun 2014 pula, defisit bekalan dijangkakan meningkat kepada 476 juta liter sehari dengan permintaan bekalan air terawat dijangkakan meningkat kepada 4,907 juta liter sehari berbanding keupayaan pembekalan sebanyak 4,431 juta liter sehari.

Tuan Yang Dipertua,

Dengan mengambil kira senario yang cukup membimbangkan ini, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan Skim Bekalan Air Mentah dari Pahang ke Selangor bagi mengelakkan berlakunya krisis air kepada penduduk negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada tahun 2014. Pelaksanaan Skim ini yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2014 dijangka mampu menampung permintaan bekalan air sehingga tahun 2029. Namun begitu, keputusan Kerajaan Negeri Selangor untuk membekukan kelulusan pembangunan tanah atau *development order*, dengan izin, selagi penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor tidak dimuktamadkan, telah menyebabkan pelaksanaan sebahagian daripada Skim Bekalan Air Mentah dari Pahang ke Selangor tertangguh dan kini mengalami kelewatan.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggung jawab dan tidak akan membiarkan rakyat

negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya menghadapi masalah bekalan air kelak, kita telah mengambil langkah yang proaktif dengan melaksanakan program mitigasi jangka pendek yang merangkumi pelaksanaan projek-projek berikut:

- (i) projek bekalan air alternatif KLIA yang akan dapat membekalkan air sebanyak 105 juta liter sehari;
- (ii) projek pemulihan muka sauk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 yang akan menambah kapasiti pengeluaran loji sebanyak 190 juta liter sehari;
- (iii) projek pemasangan sistem pam penggalak untuk menyalurkan bekalan air dari Loji Bernam River Headworks ke daerah Sabak Bernam. Projek ini akan memberi tambahan kapasiti pembekalan air terawat sebanyak 25 juta liter sehari; dan
- (iv) program penggantian paip melalui Program Pengurangan Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil (NRW) berjumlah RM170 juta.

Tuan Yang Dipertua,

Pelaksanaan program ini sebenarnya masih tidak dapat menampung sepenuhnya permintaan bekalan air pada tahun 2014. Oleh itu, besarlah harapan saya agar Kerajaan Negeri Selangor tidak lagi mempolitikkan isu penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air dengan memberi kelulusan segera terhadap semua permohonan yang berkaitan bagi memastikan Skim Bekalan Air Mentah Pahang-Selangor dapat dilaksanakan seperti yang dirancang supaya penduduk di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dapat menikmati bekalan air yang mencukupi

dan berterusan menjelang tahun 2014.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KE EMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS 2011**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN (KULIM
BANDAR BARU)**

TARIKH : **7 APRIL 2011 [KHAMIS]**

SOALAN :

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA
MENTERI** menyatakan:

(a) apakah langkah yang sedang dan akan diambil untuk menangani masalah penguatkuasaan sesuatu perintah nafkah anak / isteri, mutaah dan harta sepencarian yang diperolehi daripada mana- mana Mahkamah Syariah; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang membuat suatu peruntukan membolehkan pihak-pihak berkaitan menguatkuasakan sesuatu penghakiman itu di Mahkamah Sivil atau mengguna pakai sistem Mahkamah Sivil sedia-ada yang kelihatan lebih berkesan.

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Isu penguatkuasaan perintah nafkah anak / isteri, mut'ah dan harta sepencarian merupakan isu yang telah menjadi keutamaan pihak Kerajaan melalui agensi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Kerajaan sedar, jika isu ini tidak ditangani, kewibawaan Mahkamah Syariah akan terjejas dari kaca mata masyarakat. Atas maksud tersebut, JKSM telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan satu bahagian baru yang dikenali sebagai Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) sejak tahun 2008 dan penempatannya ialah di seluruh Mahkamah Syariah negeri-negeri. Bahagian ini ditubuhkan dengan objektif untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan kes-kes penguatkuasaan perintah yang tidak dipatuhi oleh suami / bekas suami.

BSK berperanan sebagai unit yang memberi perkhidmatan mengesan tempat tinggal bekas suami, memberi khidmat nasihat kepada pihak-pihak terutamanya isteri / bekas isteri yang tidak mampu melantik peguam memfailkan kes penguatkuasaan perintah dan menjalankan proses mediasi. Nasihat dan panduan berkenaan kaedah penguatkuasaan perintah yang sesuai mengikut undang-undang sangat penting kepada isteri / bekas isteri yang kurang berkemampuan. Setelah siasatan lengkap, pegawai BSK akan membantu mereka memfailkan kes permohonan penguatkuasaan perintah di Mahkamah berkenaan.

BSK juga menyediakan Skim Dana BSK dan Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM15 juta bagi tujuan pelaksanaannya. Dana ini merupakan bantuan nafkah sementara kepada isteri dan anak yang sedang menanti perbicaraan kes penguatkuasaan perintah yang tidak dipatuhi oleh bekas suami / ayah. Dana ini juga mendapat peruntukan Majlis Agama Islam negeri-negeri. Skim ini dapat meringankan bebanan kewangan kepada isteri-isteri yang diceraikan dan haknya diabaikan oleh bekas suaminya dalam tempoh kes penguatkuasaan perintah sedang berjalan di Mahkamah.

Jika pihak isteri atau bekas suami mempunyai masalah kewangan untuk menghadiri perbicaraan, perkhidmatan BSK Transit telah diwujudkan pada tahun 2010. Walaubagaimanapun ketika ini pelaksanaannya hanya di Wilayah Persekutuan sahaja. BSK Transit memberi kemudahan bantuan pengangkutan dan kos penginapan sepanjang tempoh menghadiri perbicaraan di Mahkamah. Dengan cara ini, JKSM berharap pihak-pihak yang tidak berkemampuan tidak mempunyai alasan untuk tidak hadir ke mahkamah bagi menghadiri perbicaraan atau menjawab tuntutan.

- (b) Mengenai kaedah menguatkuasakan dan pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah, peruntukan sedia ada di dalam Akta/ Enakmen Tatacara Mai Syariah Negeri-negeri ketika ini dengan jelas memperuntukkan kaedah dan cara penguatkuasaan bagi melaksanakan **semua bentuk perintah atau penghakiman**

Mahkamah Syariah jika tidak dipatuhi oleh pihak yang diarahkan oleh

sesuatu perintah Mahkamah. Semua peruntukan tersebut menyamai kaedah yang ditetapkan di dalam Mahkamah Sivil.

Oleh yang demikian, tidak timbul sama sekali hasrat untuk menguatkuasakan sesuatu perintah Mahkamah Syariah di Mahkamah Sivil ataupun menggunakan kaedah Mahkamah Sivil di Mahkamah Syariah. Malah dari sudut pandangan perundangan juga ia tidak boleh dilakukan selaras dengan maksud dan tujuan pindaan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 121(1 A).

Kaedah pelaksanaan perintah yang telah ditetapkan di dalam Akta/ Enakmen Tatacara Mai Syariah Negeri-negeri sebagaimana berikut:

- (i) Perintah sita dan jual harta **penghutang penghakiman** (***pihak yang ingkarperintah;***
- (ii) Perintah penghantarserahan harta tak alih iaitu mengambil harta dari penghutang penghakiman dan serahkan kepada **pemiutang penghakiman** (***pihak memfaiikan permohonan penguatkuasaan perintah)***
- (iii) Perintah pemilikan harta tak alih;
- (iv) Prosiding hiwalah. (***Perintah kepada pihak ketiga yang me mega ng wang suami mem bayar kepada isteri;***
- (v) Saman Penghutang Penghakiman ;
- (vi) Perintah pengkomitan Penghutang Penghakiman (***perintah pemenjaraan);***
- (vii) Perintah pengkomitan ke atas pengarah atau pegawai suatu pertubuhan atau perbadanan;
- (viii) Tahanan pendapatan (potong gaji); dan
- (ix) Pendakwaan Menginkari Perintah Mahkamah di bawah

seksyen 10 Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri
(Hukuman penjara tidak melebihi setahun)

Kesimpulannya, kaedah untuk menguatkuasakan perintah Mahkamah Syariah telah lengkap diperuntukan di dalam undang-undang yang sedang diamalkan di semua negeri. Hanya langkah memberi kesedaran dan pemahaman kepada masyarakat termasuk peguam- peguam syarie harus dipergiatkan untuk memastikan peruntukan sedia ada dipohon kepada mahkamah.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**TARIKH
SOALAN**

JAWAB LISAN

DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB

(LANGKAWI)

7 APRIL 2011 (KHAMIS)

DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah Program 10 Tan telah berjaya dan nyatakan di kawasan-kawasan terlibat.

JAWAPAN

**Oleh YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program 10 Tan adalah satu program Kementerian yang dilaksanakan di kawasan-kawasan jelapang padi yang bertujuan mensasarkan pengeluaran padi sebanyak 10 tan metrik sehektar bagi satu-satu musim pengeluaran.

Pada masa ini program 10 Tan yang berjaya terdapat di kawasan tanaman padi di Sungai Nipah di bawah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor. Dalam kawasan ini terdapat 937 lot sawah padi seluas 1,124.4 hektar yang melibatkan 889 petani. Lebih separuh daripada petani yang terlibat berjaya mencapai pengeluaran sekurang-kurangnya 10 tan metrik semusim pada musim 1/2010.

LISAN

NO. AUM : 56

NO. AUP : SI'

TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

7 APRIL 2011

3474

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tarikh
Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGSO)
diumumkan memandangkan masyarakat mengambil
berat mengenai isu tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Keana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGSO) adalah satu prosedur atau garis panduan kepada pegawai dan anggota PDRM menjalankan sesuatu penugasan. Ianya merupakan satu dokumen sulit yang tidak boleh didedahkan kepada orang awam. IGSO menjadi panduan kepada PDRM selaras dengan seksyen 97 Akta Polis 1967 yang memperuntukkan kuasa kepada Ketua Polis Negara untuk membuat Perintah Tetap.

Pihak PDRM tiada menerima sebarang arahan untuk mengumumkan tarikh IGSO kepada orang awam. Perintah Tetap Ketua Polis Negara telah diklasifikasi sebagai " DOKUMEN TERHAD " dan ini bermakna dokumen tersebut tidak boleh didedahkan kepada orang awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK WIRA AHMAD BIN HAJIHAMZAH
[JASIN]

TARIKH 7 APRIL 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta PERDANA MENTERI menyatakan status dan pencapaian awal Talent Corporation (dari segi statistik serta program yang telah dan bakal dilaksanakan) selepas ianya dilancarkan pada Januari 2011 yang lalu di dalam usaha menarik pakar tempatan yang bermastautin di luar negara untuk kembali berkhidmat di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi untuk melaksanakan aktiviti kerja bertaraf dunia bagi mentransformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan ini, Talent Corporation (TalentCorp) telah ditubuhkan pada Januari 2011 dengan mandat untuk mencapai objektif tersebut.

TalentCorp telah menggariskan tiga pendekatan yang mendokong cita-cita Program Transformasi Ekonomi. Pertama, menganalisa isu-isu

berkaitan dengan diaspora Malaysia dan mengenal pasti mekanimse yang boleh digunakan untuk mengoptimumkan kepakaran mereka walau di manapun mereka berada. Kedua, kaedah untuk memfasilitasi proses kemasukan pakar asing yang berkemahiran tinggi untuk bekerja dan tinggal di Malaysia serta menyumbang ke arah pembangunan negara. Ketiga, cara-cara untuk mengurangkan aliran keluar modal insan dari Malaysia. Selain itu, pelbagai program untuk mencungkil dan membangun bakat tempatan yang berpotensi juga sedang diusahakan. Inisiatif polisi baru seperti penyediaan Pas Residen, pemansuhan keperluan understudy dan mengiklankan jawatan eksekutif, serta kelonggaran kepada pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam untuk berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat swasta yang lain sebagai membayar balik tempoh kontrak menjadi pemangkin ke arah penghasilan talent pool yang diperlukan. Salah satu program sedia ada, Program Pakar (Returning Expert Program - REP) sedang dinilai dan ditambahbaik dari segi insentif dan mekanisme pelaksanaan.

TalentCorp akan bekerjasama dengan semua pihak berkaitan, termasuk awam dan swasta dalam menyumbang ke arah usaha pewujudan modal insan berkepakaran yang diperlukan untuk memacu ekonomi negara ke arah pencapaian ekonomi berpendapatan tinggi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO¹ SERI ZAHRAIN MOHAMEDHASHIM

[BAYAN BARU]

TARIKH 7 APRIL 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan serta penyediaan laporan kemajuan bagi projek-projek yang diumumkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan pelaksanaan projek=projek di bawah Program Transformasi Ekonomi berjalan dengan lancar, ETP mempunyai sebuah struktur Governance yang memastikan setiap daripada mereka yang terlibat sentiasa berdisiplin untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Setiap Entry Point Project atau EPP mempunyai pemiliknya yang datang daripada sektor swasta, dan mereka harus sentiasa berhubung dengan kementerian yang bertanggungjawab. Hubungan komunikasi ini hampir setiap hari dijalankan. Tugas sektor swasta di dalam ETP adalah sebagai pemacu ekonomi, dan mereka harus berlumba-lumba untuk merebut peluang yang diberikan untuk mengaut keuntungan hasil daripada kerja yang efisien. Tugas pihak kerajaan termasuk kementerian yang bertanggungjawab adalah sebagai fasilitator dan pemudah cara kepada sektor swasta sama ada daripada dalam atau luar negara.

Seterusnya, setiap bulan mesyuarat 'Steering Committee' yang didahului oleh Kementerian yang memacu NKEA akan diadakan untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh setiap EPP yang tersenarai di bawah Program Transformasi Ekonomi. Mesyuarat ini dihadiri oleh Menteri peneraju NKEA, CEO PEMANDU, wakil pemilik EPP daripada syarikat swasta, wakil-wakil daripada Kementerian dan Agensi yang terlibat dan juga PEMANDU.

Selain itu, terdapat juga sebuah pasukan yang dinamakan 'Investment Committee' yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia atau MIDA juga sama-sama terlibat di dalam komiti ini dan fokus mereka adalah untuk menarik dan meningkatkan pelaburan-pelaburan berkualiti tinggi daripada luar negara. Investment Committee juga bersidang sekali sebulan untuk memastikan terdapat kemajuan dari segi pelaburan yang masuk ke negara ini.

Setiap minggu pula Unit Perancang Ekonomi (EPU) menganjurkan Mesyuarat Economic Council yang terdiri daripada YAB PM, YAB DPM, Menteri MITI, EPU, KPDKK, CEO PEMANDU, dan lain-lain yang terlibat secara langsung dengan hal ehwal ekonomi. Mereka bersidang pada setiap hari Isnin dan mendapatkan status terkini NKEA. Status yang ditunjukkan adalah berapa EPP yang berjalan dengan lancar, EPP yang mempunyai kemajuan tetapi perlahan, dan juga EPP yang mempunyai masalah dari segi implimentasi atau pelaburan. Terdapat

sesi khas untuk membincangkan bagaimana untuk menyelesaikan isu-isu di bawah NKEA.

PEMANDU juga akan menganjurkan ETP Forum dua kali dalam setahun, di mana YAB PM sendiri berhubung secara langsung dengan pemilik-pemilik EPP daripada sektor swasta untuk mendapatkan perkembangan terkini kemajuan projek-projek di bawah ETP. Oleh itu, kerana YAB PM sendiri memberi perhatian secara terperinci terhadap setiap EPP tersebut, pemilik-pemilik EPP daripada sektor swasta itu harus sentiasa berkejaran untuk memastikan mereka mempunyai laporan yang positif untuk ditunjukkan kepada YAB PM.

Kesemua perkembangan itu akan direkod, dikumpul dan dilancarkan secara rasmi kepada rakyat untuk melaporkan perkembangan kesemua 12 NKEA. Laporan kemajuan ETP ini akan dilancarkan pada suku pertama tahun 2012, setahun selepas pelaksanaan ETP bermula.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL

(LIBARAN)

TARIKH

07.04.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan pembinaan dan penambahbaikan sekolah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan di negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Soalan No : 55

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan senarai Projek Dua Tahun Pertama RMKe-10 (1st Rolling Plan), Negeri Sabah telah mendapat peruntukan sebanyak RM1.29 bilion bagi 757 projek. Daripada jumlah projek tersebut, 607 adalah projek yang telah dan sedang dilaksanakan, manakala 150 projek merupakan projek baru yang akan dilaksanakan.

Rjm 97

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF (BALIK PULAU)
TARIKH	07.04.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan Program PPSMI telah dimansuhkan pada tahun 2009, apakah lagi kegunaan 200,563 buah komputer riba yang diberikan kepada guru-guru di bawah program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Salah satu strategi dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI) adalah memperluas penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan teknologi maklumat tersebut termasuklah pengetahuan terhadap penggunaan perisian, emel, laman sesawang dan laman web dapat membantu menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang bersifat interaktif serta menghiburkan murid.

Oleh yang demikian, peralatan ICT yang disediakan ketika pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) masih relevan digunakan oleh guru dan murid. Di samping itu, pelaksanaan PPSMI masih berlaku kerana pemansuhan dasar tersebut berlaku secara berperingkat-peringkat.

SOALAN NO.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN

**Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK
LAFE**

DARIPADA

MAS GADING

KAWASAN

7 APRIL 2011 (KHAMIS)

TARIKH

SOALAN:

Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE (MAS GADING)

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan yang diambil Kerajaan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi peniaga-peniaga kecil dan kontraktor kelas F Bumiputera yang sehingga kini masih bergantung kepada projek- projek kecil Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Kerajaan sememangnya sedar dan mengambil maklum mengenai tahap kebergantungan kontraktor-kontraktor kelas F terhadap projek- projek Kerajaan.

Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan lagi taraf kontraktor kelas F di seluruh negara. Ini dilaksanakan antara lain menerusi perluasan dasar pengagihan kontrak sehingga 15% kepada kontraktor Bumiputera Kelas F dan E bagi projek Kerajaan yang bernilai RM10 juta ke atas. Dasar ini juga telah menetapkan supaya skop kerja agihan kontrak turut dinaikkan sehingga kepada had RM500,000. Dasar baru agihan kontrak tersebut telah dikuatkuasakan pada 5 April 2010. Sehingga 28 Februari 2011, dasar pengagihan kerja kepada kontraktor Bumiputera kelas E dan F telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), melibatkan sebanyak 22 bilangan projek Kerajaan di bawah RMKe-10.

Bagi membantu peniaga-peniaga kecil bahan binaan pula, Kementerian Kerja Raya juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif program, seperti *match making* iaitu program yang menemukan antara pembekal-pembekal bumiputera dengan kontraktor utama yang berjaya memperoleh projek Kerajaan. Di samping itu, Kementerian Kerja Raya juga telah mewujudkan Pusat Trading Hub

Bahan Binaan sebagai pusat urus niaga setempat kepada peniaga- peniaga kecil bahan binaan Bumiputera bagi mempromosi dan memperluaskan rangkaian produk perniagaan mereka. Dalam masa yang sama juga, kementerian ini turut bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) untuk melaksanakan misi pemasaran di luar negara, melibatkan produk peniaga-peniaga kecil bahan binaan tempatan seperti produk sistem IBS, cat dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Memorandum kementerian ini mengenai usaha pemantapan kontraktor Bumiputera, termasuk membantu kontraktor-kontraktor Bumiputera bersaing di peringkat yang lebih tinggi sedang berada di peringkat akhir dan akan dibentangkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri selewat-Iewatnya pada bulan Julai 2011.

Sekian. Terima kasih.

Bagi merealisasikan dasar ini, aktiviti dan program sukan akan diperbanyakkan dan diperhebatkan melalui kelab-kelab sukan dan permainan. Murid-murid digalakkan untuk menyertai aktiviti dan program sukan, antaranya merentas desa, sukan tara, olahraga tahunan sekolah, pertandingan-pertandingan sukan dan permaianan antara kelas, antara dorm asrama, antara rumah sukan dan sebagainya yang melibatkan penyertaan menyeluruh murid. Program dan aktiviti ini juga membuka ruang yang luas kepada murid untuk melibatkan diri dalam sekurang-kurangnya satu sukan. Usaha ini akan meningkatkan kadar penyertaan di kalangan murid dan mengembalikan kemeriahan sukan di sekolah.

Rjm 99

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

DARIPADA Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

TARIKH 7 APRIL 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Y.B. Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca inflasi yang dialami di negara ini dan langkah-langkah konkrit bagi membantu rakyat berpendapatan rendah menjalani hidup dengan pertumbuhan yang diramalkan menguncup ke paras 4-5% untuk 2011, pengurangan daya beli, sedangkan kos saraan terus meningkat.

JAWAPAN

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan inflasi di negara kita masih lagi terkawal walaupun sejak akhir-akhir ini terdapat tekanan harga berikutan kenaikan harga minyak dunia akibat krisis di Asia Barat dan Afrika Utara. Kadar inflasi bagi bulan Jan - Feb 2011 meningkat sebanyak 2.9% berbanding 1.7% bagi keseluruhan tahun 2010. Peningkatan ini terutamanya disumbang oleh indeks makanan dan minuman bukan alkohol 4.7%, diikuti oleh indeks pengangkutan 4.5% dan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain 1.5%.

Antara langkah konkrit yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu golongan berpendapatan rendah menghadapi tekanan inflasi termasuklah:

- i. Mengekal harga runcit petrol terutamanya RON95 agar tidak memberi implikasi besar kepada kadar inflasi walaupun terpaksa menambah RM4 bilion kepada peruntukkan RM10 bilion yang disediakan dalam Bajet 2011;
- ii. Meningkatkan penguatkuasaan pemantauan harga barangan keperluan asas yang digunakan oleh isi rumah seperti tepung gandum, gula, minyak masak, petrol, diesel, gas, roti dan ayam supaya harga stabil dan berpatutan;
- iii. Menjalankan pemeriksaan secara fizikal di premis perniagaan bagi menentukan tiada pengeluar atau peniaga yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan serta kegiatan menyorok barangan. Ini termasuklah perbincangan dengan para pengeluar, pemborong dan peruncit bagi

mendapatkan komitmen mereka untuk tidak menaikkan harga;

- iv. Tidak menaikkan kadar tol bagi tempoh 5 tahun di empat lebuh raya milik Plus Expressway Berhad;
- v. Pemberian subsidi elektrik kepada rakyat miskin bagi menampung bil bulanan yang tidak melebihi RM20 sebulan. Sejak tahun 1997, Kerajaan juga tidak menaikkan tarif elektrik bagi pengguna domestik di bawah 200/kWh sebulan dan kenaikan minimal jika penggunaan melebihi 200/kWh sebulan, dan
- vi. Program penjelasan kepada rakyat mengenai perbelanjaan berhemat.

Selain itu, Kerajaan turut melaksanakan pelbagai program kepada rakyat berpendapatan rendah untuk meningkatkan pendapatan. Antaranya ialah Program Pembangunan Ekonomi, Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar, Program NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) dan Projek Agropolitan.

Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan Program AZAM Tani juga dapat membantu pengusaha dan pekerja sektor industri asas tani meningkatkan pendapatan mereka. Manakala, Program AZAM Khidmat dan program usahawan anjuran Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan MARA akan mewujudkan enterpris baru dalam sektor perkhidmatan.

Kerajaan juga menyediakan kemudahan kredit mikro untuk membantu usahawan kecil meningkatkan pendapatan dan seterusnya memperbesarkan entiti perniagaan mereka. Kemudahan berkenaan disusuli dengan sistem pemantauan bagi memastikan usahawan kekal konsisten dan mampu membayar balik pinjaman.

Akhir sekali ingin saya jelaskan bahawa ekonomi dijangka berkembang antara 5% hingga 6% pada tahun 2011, bukan menguncup ke paras 4% hingga 5% seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

LISAN

TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM (KUALA
KEDAH) 7 APRIL 2011 (KHAMIS)

TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM minta
MENTERI

PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan jawapan menteri kepada soalan saya bertarikh 16 Jun 2009 (Selasa) yang menyatakan Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM985 juta untuk membina dua saluran lencongan termasuk kos kerja-kerja pengambilan tanah berjumlah RM536 juta, sehingga kini tidak nampak hasilnya, sehingga menyebabkan banjir berlaku pada bulan November 2010 yang lalu.

JAWAPAN

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kejadian banjir yang berlaku pada awal November 2010 di Kawasan Muda adalah disebabkan hujan yang lebat, menyeluruh dan berlarutan selama tiga (3) hari berturut-turut (30 Oktober hingga 1 November 2010). Kejadian ini berlaku pada tempoh sebelum pelaksanaan kerja-kerja fizikal projek tebatan banjir yang dicadangkan dalam RMK-10 bermula. Oleh yang demikian, projek tebatan banjir yang dimaksudkan belum bersedia untuk memainkan peranan bagi menangani

SOALAN NO: 61

kejadian banjir di kawasan utara Negeri Kedah (termasuk Kawasan Muda).

bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN :
DARIPADA **LISAN** **TUAN DING KUONG HIING**
TARIKH BERSIDANG **[SARIKEI]**
SOALAN **07 APRIL 2011**

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan

- (a) status usaha-usaha yang telah diambil untuk menambah bilangan doktor pakar khususnya dari luar negara di Hospital Besar Sarikei; dan
- (b) rancangan-rancangan Kementerian menaik taraf Hospital Sarikei sebagai hospital pakar dan bilangan doktor pakar dan bidang mereka telah diambil dari luar negara berkhidmat di negara ini dari tahun 2008 hingga 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai langkah yang telah dan sedang diambil bagi meningkatkan lagi bilangan Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan seperti berikut:

- i. Pengambilan Pegawai Perubatan dan Pakar warganegara asing secara kontrak.
- ii. Pelantikan semula Pegawai Perubatan dan Pakar KKM yang telah bersara secara kontrak.
- iii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sessional.
- iv. Menggalakkan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

- v. Penambahan bilangan pakar yang dihasilkan sejajar dengan peningkatan slot tajaan kerajaan bagi mengikuti program sarjana kepakaran dari 450 slot kepada 600 mulai sesi 2008/2009.

Untuk makluman YB, Tiga (3) orang doktor pakar baru akan ditempatkan di Hospital Sarikei mulai bulan April 2011.

Tuan Yang Dipertua,

Hospital Sarikei adalah hospital di Negeri Sarawak yang dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-8 dengan kos RM250 juta di bawah projek *turnkey*, ia menggantikan hospital lama dan telah dilengkapi dengan 212 buah katil, kemudahan-kemudahan serta peralatan-peralatan untuk memberikan perkhidmatan perubatan sebagai sebuah hospital berpakar dengan menyediakan perkhidmatan perubatan am, hemodialisis, pembedahan am, forensik, pediatrik, ginekologi, patologi, rehabilitasi dan pengimejan diagnostik. Kemudahan-kemudahan dan peralatan-peralatan setakat ini adalah mencukupi (kecuali Unit Rawatan Rapi) untuk hospital berfungsi sebagai hospital berpakar. Perolehan bagi peralatan Unit Rawatan Rapi akan di laksanakan secara berperingkat untuk memastikan perkhidmatan berfungsi sepenuhnya. Untuk makluman Y.B. Hospital Sarikei memang telah disediakan untuk memberi perkhidmatan pakar samada melalui '*resident specialists*' ataupun '*visiting specialists*' ke arah mempertingkatkan perkhidmatan pakar di hospital tersebut. Tiga (3) orang doktor pakar baru akan ditempatkan di Hospital Sarikei mulai bulan April 2011.

KKM telahpun mengenalpasti supaya Hospital Sarikei dijadikan sebagai hospital dengan penempatan pakar tetap (residen) secara berperingkat. Perkhidmatan rawatan perubatan bagi kes-kes biasa di Hospital Sarikei termasuklah Sakit Puan dan Bedah Am dikendalikan oleh Pegawai Perubatan yang telah dilatih di bidang berkenaan dengan konsultasi pakar dari Hospital Sibul dan Hospital Umum Sarawak Kuching. Manakala bagi kes-kes rumit akut yang memerlukan perkhidmatan segera dari pakar akan dirujuk terus ke Hospital Sibul atau Hospital Umum Sarawak Kuching. Selain dari itu perkhidmatan kepakaran turut disediakan oleh pakar dari Hospital Sibul dan Hospital Umum

Sarawak Kuching yang mengadakan lawatan secara berkala ke hospital ini. KKM juga telah mengenalpasti seorang Pakar Oftalmologi untuk ditempatkan ke Hospital Sarikei dalam masa terdekat.

Kerajaan memang prihatin akan keperluan bahawa perkhidmatan rawatan perubatan kepada rakyat yang disediakan di semua hospital kerajaan termasuk di Hospital Sarikei diberikan secara berterusan selama 24 jam sehari. Susulan dari itu setiap Pegawai Perubatan perlu bertugas atas panggilan secara bergilir- gilir. Bagi menghargai sumbangan Pegawai Perubatan tersebut maka kerajaan telah memberikan elaun atas panggilan (*on-call allowance*) sama ada bagi tugas atas panggilan secara aktif atau pun pasif. Selain dari itu 'food ration' juga disediakan. Semua Pegawai Perubatan yang telah menjalankan tugas atas panggilan aktif diberikan pelepasan pada keesokan harinya setelah mereka menyelesaikan rondaan wad dan menjalankan prosedur yang diperlukan oleh pesakit.

No. Soalan : 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN

TARIKH 7 APRIL 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah kemajuan rancangan Projek Kereta Api Laju Pantai Timur dan bila akan disiapkan. Berapakah jumlah kos perbelanjaan apabila siap nanti serta nyatakan jajaran yang akan dilaluinya.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan masih lagi mengkaji cadangan pembinaan laluan kereta api laju di Pantai Timur. Kajian berkenaan sedang dijalankan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Pantai Timur (ECER) oleh perunding HSS Integrated Sdn Bhd. Kajian itu dijangka siap pada Sep 2011.

Selepas tamat kajian tersebut, hasil kajian tersebut akan dikemukakan kepada Kabinet untuk mempertimbangkan pelaksanaan projek ini.

Untuk masa ini, Kerajaan belum lagi membuat sebarang pemeeteraian kontrak untuk melaksanakan projek ini. Dan belum ada apa-apa keputusan mengenai kos, laluan, tarikh mula dan siap projek laluan kereta api laju Pantai Timur.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

DARIPADA : **LISA
N**

**TARIKH
PERTANYAAN**

**DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN
DAHLAN [KOTA BELUD]
7 APRIL 2011**

SOALAN

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk menangani lambakan ubat-ubatan palsu di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Ubat-ubat palsu yang sering ditemui dalam serbuan atau pemeriksaan oleh Bahagian Penguatkuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah terdiri daripada ubat-ubatan yang tidak didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, KKM atau ubat-ubatan yang didaftarkan tetapi telah dicampurpalsu (*adulterated*) dengan bahan-bahan asing selain yang diikrarkan semasa pendaftaran seperti bahan- bahan terkawal. Manakala ubat tiruan adalah ubat yang ditiru daripada ubat asli yang telah didaftarkan.

Pemilikan dan penjualan kedua-dua jenis ubat ini adalah melanggar peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan sabit kesalahan ialah denda RM25.000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali bagi seseorang individu dan denda RM50.000 bagi sesebuah syarikat.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengawal penjualan ubat-ubatan palsu dan ubat-ubatan tiruan adalah seperti berikut:

1. Mewajibkan semua ubat berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. Mewajibkan semua bungkusan ubat dilabel dengan nombor pendaftaran dan hologram.
3. Pengguna boleh memastikan ketulenan hologram dengan menggunakan hologram decoder yang telah diagihkan kepada premis-premis farmasi.
4. Meneruskan Kempen “Kenali Ubat Anda” bagi mengurangkan permintaan orang ramai kepada ubat-ubatan palsu atau ubat-ubatan tiruan.
5. Pegawai Penguatkuasa Farmasi secara terus menerus membuat pemantauan pasaran, risikan dan seterusnya serbuan serta rampasan.

Jumlah rampasan ubat-ubatan palsu oleh Bahagian Penguatkuasa Farmasi KKM, mengikut tahun, nilai rampasan dan bilangan perkara ubat dirampas serta denda mahkamah adalah seperti berikut:

Tahun	Nilai Rampasan	3ilanaan Perkara Ubat	Denda
2006	RM 7.8 Juta	28,018 RM 97	12,000.00
2007	RM 29.3 Juta	21,223 RM 96	16,550.00
2008	RM 7.4 Juta	20,437 RM1,1	33,890.00
2009	RM 10.2 Juta	19,720 RM1,1	8 0 0 0
2010	RM 24.1 Juta	29,723 RM2,0	34,930.00

Bahagian Penguatkuasa Farmasi juga menjalankan operasi bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam membanteras penjualan ubat-ubatan tiruan di mana KPDNKK boleh mengambil tindakan dengan hukuman yang lebih berat iaitu kesalahan penjualan ubat tiruan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 ialah denda maksimum RM100,000 bagi seseorang individu bagi kesalahan pertama dan denda RM200,000 bagi kesalahan berikutnya, dan denda maksimum RM250,000 bagi sesebuah syarikat bagi kesalahan pertama dan denda RM500,000 bagi kesalahan berikutnya.

SOALAN 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO
[HULU RAJANG]

TARIKH : 7 APRIL 2011

SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:

Apakah adanya perancangan untuk menyediakan satu "*Masterplan*" bagi pembangunan kawasan Bakun sebagai salah satu pusat pelancongan terutamanya eko-pelancongan atau *eco-park* di Malaysia pada masa yang akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelancongan tiada mempunyai *Tourism Masterplan*, khusus bagi pembangunan Kawasan Bakun. Walau bagaimanapun, Pelan Ekopelancongan Kebangsaan

telah tersedia selama 15 tahun sejak tahun 1996 sebagai panduan untuk membantu Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam pembangunan mampan ekopelancongan di Malaysia.

Pelan ini mengandungi 21 pelan tindakan serta 25 garis panduan bagi pembangunan di kawasan ekopelancongan. Susulan daripada Pelan Ekopelancongan Kebangsaan ini, satu Kajian Kesesuaian Komprehensif Pembangunan Ekopelancongan di bawah '*rolling plan*' RMKe-10 akan dijalankan dengan kos **RM2.5 juta** untuk perancangan yang lebih mampan produk ekopelancongan di Malaysia.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelancongan sedia maklum potensi kawasan Bakun untuk dijadikan destinasi tarikan pelancongan. Pada masa yang sama, program dan projek pembangunan kawasan Bakun adalah di bawah Kerajaan Negeri yang dilaksanakan oleh *Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)*.

Baru-baru ini, pihak Kerajaan Negeri telahpun mengumumkan satu *Masterplan* akan dijalankan bagi membangunkan kawasan pedalaman Sarawak terutama di Ulu Baram dan Kapit yang melibatkan kawasan Bakun sebagai pusat ekopelancongan terkenal di Asia. Kajian ini akan memberikan fokus kepada pembangunan tenaga hidro sebagai produk ekopelancongan dan akan dilaksanakan dalam tahun ini di bawah Rancangan Malaysia Ke10.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. DATUK YUSOF BIN HAJI MAHAL
[LABUAN]
TARIKH 7 April 2011
SOALAN

SOALAN NO : 48

Datuk Yusof Bin haji Mahal (Labuan) minta PERDANA MENTERI

menyatakan apakah perancangan Kerajaan berhubung dengan status anak-anak pelarian yang diiktiraf Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) yang memegang IMM 13 yang tidak bersekolah yang dikhuatiri pada masa akan datang menjadi masalah sosial kepada penduduk Labuan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan semua kanak-kanak di negara ini mendapat pendidikan sewajarnya tanpa mengira agama, bangsa dan lokasi. Bagi anak-anak pemegang IMM13 yang tidak dapat bersekolah di sekolah kerajaan, mereka telah disediakan dengan pendidikan alternatif. Pendidikan ini bukan pendidikan secara formal seperti yang termaktub dalam Sistem Persekolahan Kebangsaan tetapi memberi tumpuan kepada aspek 3M(membaca, mengira dan menulis) dan pendidikan nilai jati diri terhadap negara Malaysia.

Sekolah KAFA/3M ini telah diwujudkan di Skim Penempatan Masyarakat Pelarian di W.P Labuan dibawah kelolaan Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan). Sekolah ini mempunyai 302 murid yang terdiri daripada anak-anak yang dilahirkan di Labuan tetapi tidak mempunyai dokumen dan tidak dibolehkan memasuki sekolah kerajaan.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 6 NO.

AUP

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH 7 APRIL 2011

RUJUKAN : 3467
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) Adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula untuk menaik taraf perjawatan Polis Diraja Malaysia Bintulu, Sarawak yang mana satu ketika telah dipersetujui oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Haji Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi selaras dengan Pasukan Polis Diraja Malaysia Bahagian Miri dan Sibu; dan

Apakah punca utama pihak Kementerian gagal untuk melaksanakan penaikkan taraf ini.

Jawapan

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin dan peka dengan keanggotaan dan kebajikan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Cadangan menaiktaraf Ibu Pejabat Polis Daerah Bintulu juga termasuk di dalam kajian PDRM bersama Kementerian dan

Agensi Pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk mewujudkan menaiktaraf atau persempadanan semula Ibu Pejabat Polis Daerah adalah berdasarkan kepada faktor seperti kepadatan dan kepesatan populasi penduduk, keluasan kawasan pentadbiran, kepesatan sosio ekonomi, statistik jenayah indeks 3 tahun, statistik kesalahan jenayah dadah 3 tahun, statistik kemalangan jalan raya dan kesalahan jalan raya 3 tahun dan juga perkara-perkara lain yang boleh menyokong cadangan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, menaiktaraf sesuatu perjawatan samada melibatkan PDRM ataupun Agensi lain tertakluk kepada keupayaan kewangan kerajaan.

PEMBERITAHUAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA
DAN INDUSTRI

DARIPADA
ANYAAN

PE
RT

LISA
N

Y.B. DATUK NUR JAZLAN MOHAMED

KAWASAN
TARIKH NO.
SOALAN

PULA
I

7.4.2011 (KHAMIS) 68

Y.B. DATUK NUR JAZLAN MOHAMED minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan larigkah-langkah Kerajaan untuk membantu pekilang yang mengeksport barangan mereka yang terjejas teruk disebabkan oleh kenaikan kadar nilai tukaran ringgit sejak akhir-akhir ini. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan insentif seperti Kredit Eksport untuk mengurangkan beban mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Walaupun Negara menghadapi situasi kenaikan kadar tukaran ringgit sejak akhir-akhir ini, adalah dimaklumkan bahawa jumlah perdagangan Malaysia bagi tahun 2010 adalah bernilai RM1.169 trilion. Jumlah ini meningkat sebanyak 18.3% berbanding RM988.24 bilion pada tahun 2009 dan jumlah ini hampir mencapai jumlah perdagangan tertinggi yang direkodkan setakat ini iaitu RM1.183 trilion pada tahun 2008.

Peningkatan ini disumbangkan oleh nilai eksport sebanyak RM639.43 bilion dan nilai import sebanyak RM529.19 bilion. Nilai eksport mencatatkan peningkatan sebanyak 15.6% manakala nilai import melonjak sebanyak 21.7% berbanding tahun 2009. Jumlah ini menghasilkan lebih dagangan sebanyak RM110.23 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2011, sebanyak 113 aktiviti promosi perdagangan akan dilaksanakan bagi membantu pekilang-pekilang yang mengeksport barangan Malaysia dan

sekaligus akan berupaya meningkatkan prestasi eksport negara. Antara aktiviti yang akan di adakan sepanjang tahun ini merangkumi 41 kaunter promosi, 38 buah pameran perdagangan, 27 misi pemasaran khusus, 4 Joint Promotion Activities (dengan izin) serta 3 Global Supply Chain Initiatives (dengan izin) yang akan dianjurkan di seluruh dunia.

Selain itu, di bawah strategi dari aspek pasaran pula, Malaysia akan menumpukan promosi ke pasaran-pasaran baru dan bukan traditional seperti berikut:

- Pasaran-pasaran yang mengalami pertumbuhan pesat seperti China, India, Russia dan negara-negara *Gulf Cooperation Council* (GCC), (UAE, Qatar, Kuwait, Bahrain, Oman dan Arab Saudi); dan
- Meningkatkan kehadiran di pasaran melalui rangsangan aktiviti-aktiviti promosi perdagangan ke pasaran-pasaran baru dan baru muncul seperti Afrika, Amerika Latin serta Asia Tengah.

Kementerian ini, melalui MATRADE, akan meneruskan 4 aktiviti promosi utama pada tahun 2011 iaitu penganjuran

Pameran Perdagangan Antarabangsa seperti Malaysia Services Exhibition 2011 (dengan izin), INTRADE 2011, (dengan izin), MI HAS dan Program Malaysia Kitchen, (dengan izin).

Tuan Yang Dipertua,

Bagi membantu pekilang-pekilang serta peniaga kecil dan sederhana dalam aktiviti mempromosikan barangan eksport mereka, Kerajaan juga menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk deran seperti Geran Pembangunan Pasaran khusus.

Di samping itu, Bank-bank komersial dan pembangunan juga menyediakan kemudahan berkaitan dengan kredit eksport. Antara bank yang menyediakan kemudahan ini termasuklah EXIM Bank yang merupakan bank milik Kementerian Kewangan sepenuhnya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**DATO' SRI ONG TEE KEAT
(PAN DAN)**

PERTANYAAN

**LISA
N**

TARIKH

07.04.2011

Dato' Sri Ong Tee Keat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat mana Pasukan Petugas yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara telah menjalankan tugasnya bagi memperkasakan projek *Port Klang Free Zone* (PKFZ). Berapakan jumlah pembiayaan yang dijangka terlibat dalam usaha yang dimaksudkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Pelabuhan Kelang akan merangka model perniagaan jangka masa panjang untuk memajukan *Port Klang Free Zone* (PKFZ). Model perniagaan ini meliputi pengambil- alihan pengurusan dengan mengoptimakan keseluruhan kawasan serta kemudahan sedia ada di PKFZ.

Sebagai tambahan, terdapat cadangan untuk menjadikan PKFZ sebagai *One-Stop Integrated Hub* yang menawarkan kemudahan

import, penyimpanan dan pengedaran kenderaan baru dan terpakai bagi tujuan eksport semula serta edaran bagi pasaran tempatan.

Di samping itu, terdapat penambahbaikan yang telah dilaksanakan untuk mempertingkatkan tadbir urus PKFZ termasuk:

- i. melancarkan dasar ***whistle-blowing*** pada 21 Januari 2010 bagi melindungi pemberi maklumat;
- ii. memasukkan klausa ***integrity pact*** dalam perjanjian perolehan oleh Lembaga Pelabuhan Kelang;
- iii. menawarkan status ***Authorised Economic Operator (AEO)*** iaitu kemudahan kepada pengimport untuk menikmati kawalan atau pemeriksaan Kastam yang minima berkaitan urusan pengimportan barang kepada syarikat- syarikat/penyewa di PKFZ bagi memudahkan pergerakan bahan mentah/barang siap dari ***Principal Customs Area*** ke/dari PKFZ;
- iv. Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) bersedia menimbangkan untuk memberi insentif yang istimewa termasuk sepertimana yang diberikan kepada pelabur-pelabur yang melabur di koridor pembangunan wilayah sekiranya terbukti pelaburan tersebut benar-benar menguntungkan PKFZ dan negara; dan
- v. MIDA bertindak sebagai *One Stop Agency* bagi memberi

pertimbangan kepada permohonan pelabur-pelabur yang ingin melaburdi PKFZ.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini belum ada sebarang peruntukan khas disediakan untuk tujuan penambahbaikan yang sedang dilaksanakan.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA,
PENGKAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS
(2011)**

**PERTANYAAN
OLEH**

**LISA
N
TUAN HAJI AHMAD LAI
BIN BUJANG**

**SOALAN
TARIKH**

[SIBUTI]

70

7 April 2011

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengapa sehingga kini belum terdapat sistem amaran banjir atau ramalan banjir yang khusus dibangunkan oleh para penyelidik di Malaysia memandangkan kejadian banjir kerap berlaku. Tidak adakah peruntukan khusus kepada penyelidik untuk mengkaji teknologi amaran banjir ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, para penyelidik di Malaysia sebenarnya sudah pun menjalankan banyak penyelidikan berkaitan cuaca dan banjir serta sistem amaran awal. Sehingga kini Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengeluarkan dana penyelidikan berjumlah RM17.394 juta bagi tempoh RMKe-7 hingga RMKe-9 untuk projek-projek kajian berkaitan cuaca, iklim dan banjir yang disalurkan kepada institut-institut pengajian tinggi dan para penyelidik tempatan seperti Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Jabatan pengairan dan Saliran (JPS) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM). Sebanyak 31 projek kajian berkaitan cuaca dan iklim melibatkan perbelanjaan RM7.595 juta dan 27 projek kajian berkaitan banjir berjumlah RM9.798 juta telah dijalankan.

Dari jumlah RM7.595 juta projek kajian berkaitan cuaca dan iklim, 22 projek RMKe-7 berjumlah RM5.986 juta, 4 projek RMKe-8 berjumlah RM0.670 juta dan 5 projek RMKe-9 berjumlah RM0.940 juta. Manakala bagi projek kajian mengenai banjir berjumlah RM9.798 juta, 5 projek RMKe-7 berjumlah RM2.463 juta, 12 projek RMKe-8 berjumlah RM1.873 juta dan 10 projek RMKe-9 berjumlah RM5.461 juta. Hasil-hasil kajian, penyelidikan dan kepakaran dalaman JMM dan JPS serta teknologi daripada negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Australia, Jepun, China, Jerman dan United Kingdom digunapakai dalam membantu membangunkan sistem ramalan dan amaran cuaca dan sistem amaran banjir.

Tuan Yang Di Pertua,

Para penyelidik di JMM juga berterusan menambahbaik prestasi dan kejituan sistem ramalan dan amaran awal cuaca buruk di JMM. Walaubagaimanapun keupayaan komputer di JMM perlu dipertingkatkan dan bilangan radar cuaca ditambah untuk membolehkan ramalan cuaca yang lebih tepat dihasilkan. Pada masa yang sama, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) kini sedang membangunkan satu sistem ramalan banjir, berasaskan model atmosfera dan Radar-Satelit yang berkeupayaan meramalkan kawasan yang akan dibanjiri akibat daripada limpahan sungai tiga hari lebih awal. Sistem ini sedang dibangunkan untuk lembangan-lembangan sungai yang selalu mengalami banjir monsun yang teruk iaitu Sg. Pahang, Sg. Kelantan dan Sg. Johor dan dijangka beroperasi pada pertengahan tahun 2011. Di samping itu, JPS juga sedang membangunkan Sistem Bersepadu Ramalan Banjir dan Pengawasan Sungai untuk Lembangan Sg. Klang (Lembah Klang) dan Sg. Muda (Kedah/Pulau Pinang) yang juga dijangka akan beroperasi pada pertengahan tahun 2011. Di bawah RMK-10 dalam *First Rolling Plan (2011-2012)*, JPS akan membangunkan tiga lagi model ramalan banjir menggunakan model atmosfera dan Radar-Satelit untuk lembangan-lembangan Sungai Sarawak di Sarawak, Sungai Padas di Sabah dan Sungai Muardi Johor.

Bagi negeri Sabah dan Sarawak, sistem amaran awal banjir perlu diperkukuhkan lagi dengan penambahan rangkaian stesen pemantauan hujan dan paras sungai serta model-model ramalan banjir untuk lembangan-lembangan sungai di negeri-negeri tersebut. Pada masa ini, JPS Sarawak mempunyai dua sistem amaran siren di Sarawak

iaitu di Kuching (Siniawan dan Tebakang) serta 142 stesen telemetri hidrologi di seluruh Sarawak. Manakala di Sabah, JPS Sabah mempunyai 95 sistem amaran siren yang terletak di kawasan-kawasan pekan, 12 stesen telemetri hidrologi yang terletak di Sg. Padas dan Kinabatangan serta 83 stesen hujan di seluruh negeri.

NO. AUM : 52

NO.AUP :

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]

TARIKH 7 APRIL 2011

RUJUKAN 3472

SOALAN:

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah 'Saman Ekor' yang dikeluarkan kepada ketua-ketua polis dan pegawai-pegawai tertinggi dalam pasukan polis dan keluarga mereka di seluruh Malaysia dalam tahun 2008, 2009, 2010 dan berapakah nilai denda yang telah dibayar mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Merbok yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sebagai pengguna jalan raya, pegawai-pegawai tertinggi Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga tidak terlepas daripada tindakan saman melalui Notis Saman POL 170A. Walau bagaimanapun, kes saman yang melibatkan pegawai-pegawai tertinggi polis ini adalah dalam jumlah yang kecil berbanding jumlah keseluruhan saman yang dikeluarkan.

Pada tahun 2008, sebanyak 115 kes saman trafik melibatkan pegawai-pegawai tertinggi polis dicatatkan berbanding 4.07 juta saman keseluruhan, tahun 2009 sebanyak 95 kes berbanding 4.47 juta saman keseluruhan dan tahun 2010 sebanyak 112 kes berbanding 5.03 juta saman keseluruhan. Setelah siasatan dijalankan, didapati bahawa sama-saman yang dikeluarkan berlaku ketika pegawai-pegawai tertinggi polis berkenaan sedang menjalankan urusan rasmi yang memerlukan mereka bergegas ke tempat kejadian sama ada melibatkan kes jenayah, insiden ketenteraman awam mahu pun kes kemalangan jalan raya.

NO. AUM : 53
NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
[BAGAN SERAI]
TARIKH 7 APRIL 2011
RUJUKAN 3473

SOALAN:

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan selepas 23 kali mengadakan Ops Sikap setiap kali musim perayaan, apakah pengajaran yang telah didapati daripada operasi-operasi tersebut yang boleh digunakan untuk tindakan-tindakan yang lebih berkesan bagi penambahbaikan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bagan Serai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Ops Sikap merupakan satu operasi keselamatan jalan raya yang dijalankan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi memastikan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya di Malaysia sepanjang musim-musim perayaan utama. Selepas 23 kali Ops Sikap ini dijalankan, kebanyakan pengguna jalan raya bersetuju bahawa ia telah berjaya memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya supaya lebih berhati-hati dan berhemah semasa memandu.

Antara penambahbaikan yang dilakukan bagi meningkatkan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya terutamanya pada musim-musim perayaan adalah seperti berikut:-

- 1) Mengenal pasti laluan yang kerap berlaku kemalangan termasuk kemalangan maut dan memberikan tumpuan yang lebih di lokasi tersebut;
- 2) Mengenalpasti lokasi laluan yang kerap berlaku kesesakan semasa musim perayaan termasuk lebuhraya, jalan persekutuan dan jalan negeri;

- 3) *Omnipresence* atau penugasan statik anggota secara berterusan di lokasi-lokasi yang dikenalpasti sebagai kawasan kerap berlaku kemalangan dan kesesakan;
- 4) Penguatkuasaan secara berterusan dengan mengeluarkan saman kepada pesalah-pesalah trafik;
- 5) Menurunkan statistik kemalangan dan kemalangan maut dari semasa ke semasa;
- 6) Membantu mengurangkan kadar jenayah dengan kehadiran anggota polis di lokasi-lokasi panas; dan
- 7) Meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya supaya memandu secara lebih berhemah dan sentiasa mematuhi undang-undang lalu lintas.